

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(I)1

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN MACHANG BUBUK
YB LEE KHAI LOON**

1. *Penang Resilience Strategy*.

- (a) Terangkan langkah-langkah konkrit Kerajaan Negeri untuk memastikan Pelan Strategi dilaksanakan secara berkesan dan akauntabiliti bukan sekadar dokumen dasar.
- (b) Bilakah pelan pelaksanaan atau *roadmap* dengan KPI dan belanjawan akan dibentangkan?
- (c) Bagaimanakah kerajaan menutup jurang pembiayaan RM1 bilion serta menangani kelemahan tadbir urus antara agensi?

YB ZAIRIL KHIR JOHARI

MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

1. (a) Antara langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri bagi memastikan pelaksanaan berkesan dan akauntabiliti terhadap *Penang Resilience Strategy* (PRS) adalah seperti berikut:
 - (i) Menubuhkan Jawatankuasa Pelaksanaan *Resilience Strategy* (PRSC) yang dipengerusikan oleh YAB Ketua Menteri dan disokong oleh Unit Penyelaras di bawah Penang Infrastructure Corporation Sdn. Bhd. dan Jabatan Perancang Bandar dan Desa Negeri Pulau Pinang bagi memastikan integrasi dengan pelan spatial negeri;

- (ii) Menyeneraikan inisiatif PRS dalam Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang 2040 (Kajian Semula) dan dokumen perancangan tempatan supaya semua tindakan mempunyai dasar fizikal dan peruntukan pembangunan yang sah;
 - (iii) Melaksanakan projek rintis di bawah tema *Climate, Inclusion & Well-being* sebagai bukti awal keberkesanan pendekatan berdaya tahan, misalnya pengurusan banjir berasaskan alam semula jadi dan komuniti inklusif di Bandar Raya George Town;
 - (iv) Memantau secara berkala dan menyediakan laporan awam tahunan di mana setiap agensi peneraju perlu melaporkan kemajuan melalui *Dashboard Penang2030* serta diaudit oleh Jabatan Audit Negara Negeri Pulau Pinang bagi menjamin ketelusan dan akauntabiliti; dan
 - (v) Menjalinkan kerjasama dengan rakan strategik antarabangsa seperti *Resilient Cities Network* dan UN-Habitat untuk perkongsian amalan terbaik secara berkala.
- (b) Buat masa ini Kerajaan Negeri sedang menyediakan *Implementation Roadmap 2025-2030* bagi PRS. Maklumat berhubung sasaran Petunjuk Prestasi Utama (Key Performance Index – KPI) dan anggaran belanjawan akan dimaklumkan selepas *roadmap* tersebut dimuktamadkan kelak.
- (c) Pelaksanaan Projek Pembangunan sememangnya memerlukan sokongan peruntukan dan tadbir urus yang berkesan antara agensi. Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan sentiasa menyediakan peruntukan pembangunan untuk pelaksanaan projek di Pulau Pinang. Sememangnya peruntukan yang disediakan oleh Kerajaan Persekutuan adalah tinggi berbanding Kerajaan Negeri selaras dengan kuasa eksekutif yang dimiliki. Kerajaan Negeri sentiasa menggerakkan pendekatan yang lebih kolaboratif dengan bekerjasama dengan sektor swasta, rakan pembangunan dan pembiaya berpotensi bagi pelaksanaan projek di Pulau Pinang.

Pembangunan projek di Pulau Pinang melibatkan tiga peringkat pelaksanaan iaitu peringkat daerah, negeri dan persekutuan. Tadbir urus antara agensi yang melibatkan ketiga-tiga peringkat tersebut akan dipantau melalui Mesyuarat Jawatankuasa dan Majlis Tindakan Pembangunan Negeri bagi memastikan keberkesanan pelaksanaan projek serta menyokong pencapaian sasaran secara mampan.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(I)2

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN MACHANG BUBUK
YB LEE KHAI LOON**

2. Majlis Perbendaharaan Kebangsaan.

- (a) Senaraikan tarikh-tarikh Ketua Menteri Pulau Pinang menghadiri Mesyuarat Perbendaharaan Negara sejak tahun 2018 hingga kini.
- (b) Apakah isu utama yang telah dibangkitkan oleh Pulau Pinang dalam mesyuarat tersebut, khususnya berkaitan pembiayaan negeri dan hasil persekutuan?
- (c) Sejauh manakah keberkesanan dan hasil nyata daripada penyertaan tersebut?

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

2. (a) Tarikh-tarikh Mesyuarat Kewangan Negara yang dihadiri oleh YAB Ketua Menteri sejak tahun 2018 adalah seperti berikut :
- (i) 7 Jun 2018
 - (ii) 27 Mei 2019
 - (iii) 22 Mei 2020
 - (iv) 6 Mei 2021
 - (v) 26 April 2022

(vi) 18 April 2023

(vii) 4 April 2024

(viii) 6 Mac 2025

- (b) Isu-isu utama yang dibincangkan semasa mesyuarat tersebut melibatkan penetapan dasar dan undang-undang yang berhubung hal-ehwal kewangan Persekutuan – Negeri, antaranya peruntukan hasil dan pemberian kewangan kepada negeri-negeri (contohnya geran tahunan, geran pemberian khas dan royalti), dasar fiskal dan belanjawan negara, termasuk impak terhadap kedudukan kewangan negeri, pembahagian hasil cukai dan bukan cukai antara Persekutuan dan Negeri, pinjaman Kerajaan Negeri daripada Kerajaan Persekutuan serta had hutang negeri dan penyelarasan dasar pembangunan negeri yang mempunyai implikasi fiskal.

Dalam hal ini, Kerajaan Negeri secara konsisten membangkitkan pendirian terhadap isu-isu yang dibincangkan bagi memastikan hubungan kewangan yang adil, seimbang dan teratur antara Kerajaan Persekutuan dan Negeri-negeri, khususnya Pulau Pinang.

- (c) Majlis Kewangan Negara (MKN) berperanan sebagai platform rasmi bagi setiap Kerajaan Negeri mengutarakan pandangan dan input berhubung dasar kewangan serta peruntukan hasil antara Kerajaan Persekutuan dan Negeri.

Keberkesanan penyertaan Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam mesyuarat tersebut tidak wajar diukur berdasarkan pencapaian individu negeri semata-mata, tetapi lebih tepat dinilai melalui keputusan positif secara kolektif yang dicapai hasil perbincangan bersama. Antara keputusan yang memberi impak langsung termasuklah:

- (i) Peningkatan kadar Pemberian Mengikut Bilangan Orang (Capitation Grant) sebanyak 25 peratus, iaitu daripada RM109 juta kepada RM548 juta yang akan berkuat kuasa mulai tahun 2026;

- (ii) Penambahbaikan garis panduan pelaksanaan Pemindahan Fiskal Ekologi (Ecological Fiscal Transfer, EFT) bagi pemuliharaan biodiversiti; dan
- (iii) Peningkatan jumlah Pemberian Kerajaan Persekutuan kepada semua Kerajaan Negeri kepada RM9.8 bilion bagi tahun 2025, berbanding RM9.3 bilion pada tahun 2024.

Perkembangan ini mencerminkan keberkesanan platform MKN sebagai wadah utama penyelarasan fiskal antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri dalam memastikan pembangunan ekonomi dan keupayaan kewangan negeri terus diperkukuh secara mampan.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(I)3

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN MACHANG BUBUK
YB LEE KHAI LOON**

3. *Penang City Competitiveness Master Plan (CCMP).*

- (a) Apakah indikator kejayaan (KPI) utama bagi CCMP serta bagaimana ia diukur?
- (b) Berapakah peruntukan bajet serta sumber manusia diperuntukkan bagi melaksanakan pelan induk ini?
- (c) Bagaimana kerajaan memastikan manfaat dan kejayaan CCMP akan dirasai oleh komuniti tempatan dan bukan hanya pelabur besar?

YB H'NG MOOI LYE

MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

3. (a) Pelan Induk Daya Saing Bandar (*City Competitiveness Master Plan – CCMP*) merupakan satu pelan strategik yang dirangka oleh pihak Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) bagi memanfaatkan kelebihan Bandar Raya George Town melalui penekanan terhadap aspek geografi, tenaga kerja, infrastruktur, saiz ekonomi, keterangkuman sosial, kelestarian bandar dan daya tahan ekonomi. CCMP ini telah dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Negeri Pulau Pinang pada 18 Ogos 2025.

Bagi memastikan pelaksanaannya dapat diukur dengan jelas, CCMP digerakkan melalui empat (4) teras utama seperti berikut:

- (i) Memperkasa pembangunan bandar pintar dan pertumbuhan ekonomi bagi merangsang inovasi dan aktiviti ekonomi bernilai tinggi;
 - (ii) Meningkatkan kualiti persekitaran binaan dan kebolehdiaman bandar melalui reka bentuk bandar yang inklusif, penyediaan perumahan mampan dan pembangunan ruang hijau;
 - (iii) Memantapkan pengurusan sumber semula jadi, sumber boleh diperbaharui dan sosial bagi menjamin kelestarian jangka panjang; dan
 - (iv) Mengukuhkan tadbir urus pintar melalui reformasi institusi dan pengurusan bandar yang berkesan bagi meningkatkan kecekapan pentadbiran dan penyampaian perkhidmatan kepada rakyat.
- (b) Kos keseluruhan bagi pelaksanaan CCMP adalah sebanyak RM1,381,225.79 (Ringgit Malaysia Satu Juta Tiga Ratus Lapan Puluh Satu Ribu Dua Ratus Dua Puluh Lima Dan Tujuh Puluh Sembilan Sen Sahaja), yang dibiayai sepenuhnya oleh Kementerian Ekonomi. Pelaksanaan pelan ini turut disokong oleh tenaga kerja sedia ada di bawah pentadbiran MBPP dengan penglibatan pelbagai

jabatan dan agensi bagi memastikan pelaksanaannya berjalan dengan lancar dan berkesan.

(c) Kerajaan Negeri Pulau Pinang sentiasa memastikan manfaat dan kejayaan CCMP turut dirasakan oleh keseluruhan masyarakat terutamanya komuniti tempatan dan tidak hanya tertumpu kepada pelabur-pelabur besar, iaitu melalui pelaksanaan strategi pembangunan yang inklusif dan berimpak langsung kepada rakyat. Antara langkah yang diambil adalah:

- (i) Pendekatan pembangunan inklusif dan libat urus komuniti. Pelaksanaan CCMP dilaksanakan melalui sesi libat urus dan perundingan bersama penduduk tempatan, peniaga kecil, Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) dan komuniti akar umbi bagi memastikan pandangan dan keperluan mereka diambil kira dalam perancangan serta pelaksanaan strategi pembangunan bandar;
- (ii) Penjanaan peluang ekonomi tempatan. Menggalakkan penyertaan penduduk dalam sektor kreatif, pertanian bandar, pelancongan komuniti serta perusahaan kecil dan sederhana (PKS) melalui insentif, latihan dan akses kepada pasaran;
- (iii) Pelaburan dalam infrastruktur sosial dan kelestarian bandar. Menambah baik kemudahan awam mesra Orang Kurang Upaya (OKU), memperbanyakkan ruang hijau, laluan pejalan kaki, taman bandar serta

menggalakkan penggunaan pengangkutan awam bagi meningkatkan kualiti hidup dan kesejahteraan komuniti;

- (iv) Pembangunan berteraskan kelestarian dan pemeliharaan warisan. Setiap inisiatif pembangunan disemak agar selari dengan Matlamat Pembangunan Mampan (*Sustainable Development Goals* – SDG) khususnya SDG 8 (Pekerjaan dan Pertumbuhan Ekonomi), SDG 10 (Mengurangkan Ketidaksamaan) dan SDG 11 (Bandar dan Komuniti Lestari), serta memastikan pembangunan baharu tidak menjejaskan identiti warisan George Town dan alam sekitar; dan
- (v) Peningkatan kemahiran dan pembangunan bakat tempatan. Menyediakan program latihan dan peningkatan kemahiran untuk memastikan tenaga kerja tempatan bersedia mengisi peluang pekerjaan dalam sektor baharu dan berteknologi tinggi.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(I)4

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN MACHANG BUBUK
YB LEE KHAI LOON**

4. Penang International Financial Centre (PIFC).
- (a) Huraikan secara terperinci konsep, mekanisme dan syarat-syarat khusus (termasuk skim insentif, pengecualian cukai atau duti) dalam cadangan PIFC telah dikemukakan ke Putrajaya.
 - (b) Terangkan sebab-sebab Kerajaan Persekutuan menolak cadangan tersebut serta tunjukkan di mana kesilapannya.
 - (c) Apakah pelan mitigasi setelah Kerajaan Persekutuan menolak cadangan tersebut?

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

4. 1. Konsep dan Mekanisme Penubuhan PIFC

Cadangan Penang International Financial Centre (PIFC) merupakan inisiatif strategik Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk memperkukuh ekosistem kewangan negeri dan memacu pertumbuhan ekonomi berasaskan pengetahuan dan teknologi tinggi.

Tiga teras utama PIFC ialah:

- (i) Dana Pelaburan Industri Negeri *State Sovereign Wealth Fund*

Menggunakan hasil negeri seperti tanah untuk menjana modal pelaburan tanpa perlu kelulusan langsung daripada Kerajaan Persekutuan.

(ii) Pendigitalan Harta Tanah

Menukar aset tanah milik negeri kepada Amanah Pelaburan Harta Tanah (REIT) bagi menarik pelabur swasta.

(iii) Pembangunan Fizikal Hab Kewangan

Mewujudkan zon khas dengan infrastruktur moden dan ekosistem perniagaan digital, disokong oleh pusat data, fintech, dan perkhidmatan sokongan profesional.

2. Status Permohonan dan Respons Kerajaan Persekutuan

Selaras dengan peruntukan Perlembagaan Persekutuan, kelulusan daripada Kerajaan Persekutuan adalah diperlukan sekiranya cadangan penubuhan PIFC melibatkan dana luar atau pelaburan syarikat antarabangsa yang tertakluk kepada dasar kewangan Malaysia.

Kerajaan Negeri telah mengemukakan permohonan kepada Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) bagi mewujudkan Zon Kewangan Khas Pulau Pinang. Permohonan tersebut tidak melibatkan sebarang kos kepada Kerajaan Negeri.

Walau bagaimanapun, MOF telah memaklumkan bahawa pada masa ini tiada perancangan dasar untuk menubuhkan Pusat Kewangan Antarabangsa di Malaysia. MOF juga menjelaskan bahawa cadangan untuk menubuhkan kumpulan kerja (*working group*) yang terdiri daripada wakil Kerajaan Negeri Pulau Pinang, MOF, Bank Negara Malaysia dan agensi berkaitan tidak disokong, memandangkan kementerian berkenaan belum mempunyai sebarang dasar khusus berhubung penubuhan Pusat Kewangan Antarabangsa di Malaysia.

3. Lokasi dan Tapak Cadangan

Penentuan lokasi bagi PIFC memerlukan pertimbangan yang menyeluruh serta perbincangan lanjut bersama pihak-pihak

berkepentingan, khususnya melibatkan implikasi perundangan, kewangan dan keperluan industri.

Sebagai perbandingan, pusat kewangan antarabangsa utama di luar negara mengambil masa sehingga tujuh (7) tahun sebelum dapat beroperasi sepenuhnya. Oleh yang demikian, proses pemilihan lokasi bagi PIFC akan dilaksanakan secara berhati-hati, berfasa dan berasaskan kepada analisis kesesuaian serta keperluan pasaran semasa.

Cadangan penubuhan PIFC di Ampang Jajar seluas kira-kira 40 hektar adalah amat dihargai dan akan dipertimbangkan bersama lokasi-lokasi lain yang turut dikenal pasti berpotensi, selaras dengan perancangan pembangunan negeri bagi memastikan keseimbangan pertumbuhan antara kawasan pulau dan Seberang Perai.

4. Justifikasi dan Manfaat Ekonomi kepada Negeri

Penubuhan PIFC diunjurkan menjadi pemangkin ekonomi baharu Pulau Pinang, dengan memberi tumpuan kepada integrasi antara industri semikonduktor dan sektor kewangan digital.

Inisiatif ini dilihat sebagai langkah strategik bagi mengukuhkan kedudukan Pulau Pinang sebagai hab ekonomi berteknologi tinggi dan berdaya saing di rantau ini.

Antara manfaat utama ekonomi yang dijangka diperolehi melalui pelaksanaan PIFC ialah:

(a) *Peningkatan Rantai Nilai Industri Upgrading Value Chain*

Pembiayaan aktiviti bernilai tinggi melalui PIFC berpotensi menarik modal teroka dan ekuiti persendirian bagi menyokong aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D), reka bentuk litar bersepadu, serta pengkhususan perkhidmatan kejuruteraan. Pendekatan ini sejajar dengan aspirasi Strategi Semikonduktor Nasional (NSS) untuk membawa industri Malaysia ke tahap rantai nilai yang lebih tinggi.

(b) Menarik dan Menahan Modal serta Bakat Berkualiti Tinggi

Pusat kewangan antarabangsa berupaya menyediakan infrastruktur institusi dan ekosistem pelaburan yang diperlukan untuk menarik dana antarabangsa berskala besar.

Kewujudan PIFC bukan sahaja menyokong sektor pembuatan berteknologi tinggi tetapi turut memperkukuh perkhidmatan sokongan profesional, di samping mencipta peluang pekerjaan berkemahiran tinggi untuk rakyat tempatan serta mengurangkan masalah penghijrahan bakat (*brain drain*).

(c) Perintis Inovasi Kewangan Digital (*Digital Financial Innovation*)

PIFC dijangka berfungsi sebagai platform kewangan digital serantau yang membezakan Pulau Pinang daripada pusat kewangan antarabangsa lain dengan memberi tumpuan kepada teknologi kewangan (FinTech) dan integrasi industri berasaskan data, automasi serta kecerdasan buatan (AI).

(d) Peluang Pekerjaan dan Pemerksaan Ekonomi Setempat

Pembangunan PIFC akan menjana pelbagai peluang pekerjaan baharu dalam sektor kewangan, ICT, kejuruteraan dan perkhidmatan teknikal. Secara langsung, ia akan memperkukuh aktiviti ekonomi setempat melalui pembangunan infrastruktur moden, ekosistem digital menyeluruh serta peningkatan taraf hidup rakyat.

5. Pelan Susulan dan Arah Hala Tuju

Walaupun cadangan asal tidak disokong oleh MOF, Kerajaan Negeri tidak menghentikan usaha tersebut. Melalui Penang Institute, kajian kebolehlaksanaan sedang dijalankan bagi memperincikan model ekonomi dan potensi PIFC sebagai hub kewangan digital serantau langkah-langkah susulan termasuk:

- (i) Meneruskan libat urus dengan agensi kewangan, pelabur dan pemaju hartanah strategik.

- (ii) Menumpukan kepada inisiatif fintech dan kewangan digital yang tidak bertindih dengan pusat kewangan sedia ada.
- (iii) Menyusun semula strategi pelaksanaan PIFC secara berfasa dan berdikari, dengan sokongan dana negeri serta kerjasama sektor swasta.

RUMUSAN

Secara keseluruhannya, PIFC merupakan aspirasi jangka panjang Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk menjadikan negeri ini sebagai pusat kewangan digital dan teknologi baharu yang menyokong ekonomi berpendapatan tinggi.

Walaupun belum mendapat kelulusan dasar di peringkat Persekutuan, inisiatif ini akan terus diperhalusi melalui pendekatan fasa pembangunan, inovasi kewangan digital dan perkongsian strategik awam-swasta, agar Pulau Pinang kekal sebagai peneraju pembangunan ekonomi moden negara.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(I)5

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN MACHANG BUBUK
YB LEE KHAI LOON**

5. Unsur nadir bumi (REE).
- (a) Terangkan usaha Kerajaan Negeri dalam mengenal pasti kebolehlaksanaan dan risiko alam sekitar termasuk projek perintis di Perak.
 - (b) REE merupakan bahan mentah utama dalam penghasilan cip dan semikonduktor, apakah strategi Kerajaan Negeri dalam menghadapi perang nadir bumi antara US dan China serta melindungi kepentingan ekonomi negeri?

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

5. (a) Kerajaan Negeri melalui Pejabat Tanah dan Galian (PTG) telah mengadakan beberapa sesi libat urus bersama agensi berkaitan seperti Jabatan Mineral dan Geosains (JMG), Jabatan Alam Sekitar (JAS), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Pejabat Daerah untuk menilai kebolehlaksanaan pemajuan sumber elemen nadir bumi bukan radioaktif (NR-REE) serta risiko terhadap alam sekitar. Keputusan pelaksanaan bergantung kepada kajian terperinci aspek geologi dan pertimbangan faktor lain seperti lokasi sumber di kawasan hutan simpan, kawasan sensitif alam sekitar (KSAS), tadahan air, tanah first grade serta peraturan mineral negeri.

Kerajaan Negeri turut berpandukan kepada SOP Perlombongan NR-REE yang dikeluarkan oleh Kementerian NRES pada 20 Disember 2023, dan sedang

menggubal Peraturan-Peraturan Mineral Negeri Pulau Pinang berasaskan SOP tersebut bagi memastikan pembangunan sektor ini dilaksana secara mampan, selamat dan mematuhi undang-undang.

Selain itu, lawatan tapak ke projek perintis NR-REE di Mukim Kenering, Perak telah diadakan pada 23 Ogos 2024, diketuai oleh YB MMK Perumahan dan Alam Sekitar Pulau Pinang bersama agensi teknikal negeri bagi meninjau pelaksanaan, potensi hasil serta langkah perlindungan alam sekitar oleh Kerajaan Negeri Perak.

- (b) Bagi menghadapi implikasi geopolitik dan melindungi kepentingan ekonomi negeri, Kerajaan Negeri mengambil pendekatan dengan berpandukan kepada dasar yang dikeluarkan oleh Kerajaan Persekutuan serta melibatkan Kerajaan Persekutuan apabila meneroka potensi kerjasama strategik bersama syarikat tempatan atau asing yang berminat untuk melaksanakan penerokaan NR-REE di Pulau Pinang. NR-REE merupakan komoditi yang bernilai tinggi dalam industri berteknologi tinggi dan pertahanan. Oleh yang demikian, satu pendekatan yang strategik perlu diambil bagi memastikan pemajuan sumber ini dibuat secara terkawal. Ini juga bertujuan untuk mengelakkan eksploitasi daripada mana-mana pihak di samping menjamin kepentingan ekonomi negeri serta kepentingan strategik negara.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(I)6

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN MACHANG BUBUK
YB LEE KHAI LOON**

6. Pelaburan Intel di Pulau Pinang.
- (a) Terangkan secara terperinci berkaitan status terkini pelaburan yang bernilai US\$7 bilion dalam pembangunan kemudahan advanced 3D chip packaging.
 - (b) Senaraikan semua pelaburan besar yang telah dijanjikan oleh pelabur sejak 2018 mengikut nama syarikat, nilai pelaburan serta sama ada telah disempurnakan, tertangguh atau dibatal.

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

6. (a) Projek pelaburan Intel ini pada asalnya dirancang untuk memindahkan sebahagian operasi pembuatan foundri dari Costa Rica ke Malaysia, sebagai sebahagian daripada usaha pengembangan global syarikat. Syarikat juga berhasrat menyiapkan pembinaan kemudahan Penang Advanced Packaging (PAP) menjelang penghujung 2025. Permulaan operasi kemudahan ini akan disesuaikan dengan keadaan pasaran dan tahap penggunaan kapasiti sedia ada, selari dengan strategi pengoptimuman pembuatan *global Intel* bagi memastikan kecekapan operasi serta daya saing antarabangsa.
- (b) Berdasarkan maklumat MIDA, status pelaksanaan bagi tiga (3) projek pelaburan tertinggi yang diluluskan oleh MIDA dalam sektor perkilangan di Pulau Pinang mengikut tahun adalah seperti di **LAMPIRAN A**. Manakala berdasarkan maklumat PDC, senarai pelaburan syarikat asing yang telah melabur di kawasan perindustrian PDC adalah seperti di **LAMPIRAN B**. Ringkasan

status pelaksanaan projek pelaburan yang diluluskan oleh MIDA dalam sektor perkilangan di Pulau Pinang sejak 2020 hingga Jun 2025 adalah seperti di **LAMPIRAN C**.

LAMPIRAN A**STATUS PELAKSANAAN BAGI TIGA PROJEK PELABURAN
TERTINGGI YANG DILULUSKAN OLEH MIDA DALAM SEKTOR
PERKILANGAN DI PULAU PINANG
MULAI TAHUN 2020 HINGGA JUN 2025****Tahun 2020**

BIL.	NAMA SYARIKAT	SEKTOR
1.	Bruker (Malaysia) Sdn. Bhd.	Pengeluaran
2.	Dexcom (Malaysia) Sdn. Bhd.	Pengeluaran
3.	Ultra Clean Technology (Malaysia) Sdn. Bhd.	Pengeluaran

Tahun 2021

BIL.	NAMA SYARIKAT	SEKTOR
1.	Intel Electronics (Malaysia) Sdn. Bhd.	Status: Projek ditangguhkan buat sementara waktu
2.	Robert Bosch Semiconductor Manufacturing Penang Sdn. Bhd.	Pengeluaran
3.	Ibiden Electronics Malaysia Sdn. Bhd.	Pengeluaran

Tahun 2022

BIL.	NAMA SYARIKAT	SEKTOR
1.	TF AMD Microelectronics (Penang) Sdn. Bhd.	Pengeluaran
2.	Ultra Clean Technology (Malaysia) Sdn. Bhd.	Pengeluaran
3.	Greotech Integration (M) Sdn. Bhd.	Pengeluaran

Tahun 2023

BIL.	NAMA SYARIKAT	SEKTOR
1.	Lumileds Malaysia Sdn. Bhd.	Pengeluaran
2.	WD Media (Malaysia) Sdn. Bhd.	Pengeluaran
3.	Enovix Malaysia Sdn. Bhd.	Pengeluaran

Tahun 2024

BIL.	NAMA SYARIKAT	SEKTOR
1.	MKS Instruments Malaysia Sdn. Bhd.	Pemasangan mesin/peralatan
2.	Siliconware Precision Malaysia Sdn. Bhd.	Pemasangan mesin/peralatan
3.	Unimx Technology Malaysia Sdn. Bhd.	Pengeluaran

Sehingga Jun 2025

BIL.	NAMA SYARIKAT	SEKTOR
1.	Pentamaster Technology (M) Sdn. Bhd.	Pengeluaran
2.	TF AMD Microelectronics (Penang) Sdn. Bhd.	Pengeluaran
3.	Guangdong Tianyu Semiconductor Co., Ltd.	Status: Perancangan secara aktif

LAMPIRAN B**PELABURAN DARIPADA SYARIKAT ASING YANG TELAH MELABUR
DI KAWASAN PERINDUSTRIAN PDC
MULAI 2018 SEHINGGA 30 SEPTEMBER 2025**

BIL.	NAMA SYARIKAT	TAMAN PERINDUSTRIAN	STATUS PEMBANGUNAN
1.	Micron Memory Malaysia Sdn. Bhd.	Batu Kawan	Beroperasi
2.	Smith & Nephew Operations Sdn. Bhd.	Batu Kawan	Beroperasi
3.	Dexcom (Malaysia) Sdn. Bhd.	Batu Kawan	Beroperasi
4.	Synergy Sterilisation Kulim (M) Sdn. Bhd.	Batu Kawan	Beroperasi
5.	LEM Malaysia Sdn. Bhd.	Penang Science Park North	Beroperasi
6.	Sustio Sdn. Bhd.	Batu Kawan	Beroperasi
7.	TTM Technologies Malaysia Sdn. Bhd.	Penang Science Park North	Beroperasi
8.	Elite Material Penang (Penang) Sdn. Bhd.	Penang Science Park North	Dalam pembinaan
9.	Comet Technologies Malaysia Sdn. Bhd.	Penang Science Park	Dalam pembinaan
10.	Siliconware Precision Malaysia Sdn. Bhd.	Bandar Cassia Technology Park	Dalam pembinaan
11.	Plexus Manufacturing Sdn. Bhd.	Bandar Cassia Technology Park	Dalam pembinaan
12.	MKS Instruments Malaysia Sdn. Bhd.	Bandar Cassia Technology Park	Dalam pembinaan

LAMPIRAN C

STATUS PELAKSANAAN PROJEK PELABURAN YANG DILULUSKAN OLEH MIDA DALAM SEKTOR PERKILANGAN DI PULAU PINANG BAGI TAHUN 2020 SEHINGGA JAN-JUN 2025

TAHUN	2020		2021		2022		2023		2024		JAN - JUN 2025	
	LULUS	LAKSANA	LULUS	LAKSANA	LULUS	LAKSANA	LULUS	LAKSANA	LULUS	LAKSANA	LULUS	LAKSANA
PERKARA	167	154 (92.22%)	111	101 (90.99%)	135	126 (93.33%)	149	144 (96.64%)	182	158 (86.81%)	86	58 (67.44%)
PROJEK	14.4	13.7 (95.29%)	76.2	5.9 (7.70%)	13.7	13.4 (97.81%)	63.4	63.1 (99.53%)	17.3	13.7 (79.07%)	12.5	9.0 (71.99%)
PELABURAN (BILION)	13,380	12,294 (91.88%)	12,024	8,812 (93.19%)	15,752	15,137 (96.10%)	17,623	17,320 (98.28%)	16,254	13,831 (85.09%)	11,116	6,440 (57.93%)

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(I)7

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN MACHANG BUBUK
YB LEE KHAI LOON**

7. *Virtual Island of Penang (VIP).*

- (a) Perincikan jumlah sebenar kos pembangunan projek ini sejak 2020, RM14 juta seperti dinyatakan MBPP atau RM30 juta seperti dilapor media.
- (b) Apakah metrik keberhasilannya dalam membina *City Digital Twin* dan ekosistem digital negeri?
- (c) Nyatakan usaha MBSP dalam membina sistem yang sama seperti MBPP.

YB H'NG MOOI LYE

MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

7. (a) Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) telah melaksanakan Projek Bandar Pintar yang merangkumi pembangunan sistem *Virtual Island of Penang (VIP)* dengan jumlah kos keseluruhan sebanyak RM15,722,979.00 (Ringgit Malaysia Lima Belas Juta Tujuh Ratus Dua Puluh Dua Ribu Sembilan Ratus Tujuh Puluh Sembilan Sahaja), meliputi Fasa 1 (2022–2024) bagi penyediaan infrastruktur asas dengan kos sebanyak RM4,410,280.00 (Ringgit Malaysia Empat Juta Empat Ratus Sepuluh Ribu Dua Ratus Lapan Puluh Sahaja) dan Fasa 2 (2024–2027) yang melibatkan pembangunan ke atas 11 modul analitik utama dengan kos sebanyak RM11,312,699.00 (Ringgit Malaysia Sebelas Juta Tiga

Ratus Dua Belas Ribu Enam Ratus Sembilan Puluh Sembilan Sahaja).

- (b) Metrik keberhasilan dalam pembangunan *City Digital Twin* dan ekosistem digital negeri dinilai melalui keberkesanan pelaksanaan VIP sebagai platform digital bersepadu yang menyokong pengurusan bandar bagi kedua-dua kawasan pentadbiran MBPP dan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP).

Antara indikator utama keberhasilannya adalah:

- (i) Peningkatan ketepatan simulasi dan analisis bandar digital untuk perancangan fizikal, pembangunan serta pengurusan risiko bencana;
 - (ii) Pewujudan inventori data spatial yang komprehensif bagi keseluruhan infrastruktur bandar;
 - (iii) Pengurangan kesesakan trafik melalui penyelarasan sistem lampu isyarat pintar dan analitik kapasiti jalan;
 - (iv) Pemantauan keselamatan dan bencana secara masa nyata melalui integrasi sistem kamera litar tertutup (CCTV) pintar serta sensor Internet Pelbagai Benda (IoT);
 - (v) Peningkatan kecekapan pengurusan sumber bandar seperti tenaga, sisa pepejal dan inventori pokok; dan
 - (vi) Peningkatan kepuasan awam melalui aplikasi Pearl yang membolehkan rakyat menyalurkan aduan, menerima makluman cuaca dan bencana serta berinteraksi secara langsung dengan Pihak Berkuasa Tempatan.
- (c) MBSP turut membangunkan sistem yang seumpama dengan MBPP, namun pada skala pelaksanaan yang lebih kecil. Antara komponen utama sistem ini termasuklah penyediaan inventori data spatial merentasi jabatan yang meliputi maklumat perancangan, infrastruktur, pelesenan, cukai, jalan, lampu, pokok dan aset bandar lain.

Selain itu, beberapa usaha sedang dilaksanakan ke arah pembangunan sistem *City Digital Twin*, antaranya adalah:

- (i) Dalam usaha mencapai pendekatan yang lebih mampan, majlis kini dalam proses mengintegrasikan data imej satelit daripada **MYSA (Agensi Angkasa Malaysia)**. Memperoleh imej berkualiti tinggi adalah penting kerana ia diperlukan untuk analisis terperinci. Analisis ini termasuk pengenalan struktur haram, pembangunan pertanian yang tidak sah dan faktor-faktor lain yang berkaitan.
- (ii) Pembangunan modul *e-Submission* yang berfungsi untuk melancarkan proses penyerahan peta digital permohonan perancangan ke dalam sistem bagi mempercepat proses kelulusan; dan
- (iii) Integrasi dengan *Integrated Smart Flood Monitoring System* (INFLOS) MBSP untuk tujuan pemantauan paras air dan kawasan berisiko banjir secara masa nyata.

Usaha-usaha ini menjadi asas penting ke arah pembentukan platform *City Digital Twin* MBSP yang lebih menyeluruh, selaras dengan aspirasi negeri menuju bandar pintar dan berdaya tahan.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(I)8

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN MACHANG BUBUK
YB LEE KHAI LOON**

8. Kecurian kabel *copper*.

- (a) Senaraikan bilangan aduan diterima, tangkapan dibuat, dituduh ke mahkamah mengikut daerah dan bulan sejak 2023.
- (b) Di manakah kelemahan dan kesilapannya yang menyebabkan masalah ini terus berulang serta pencuri masih bermaharajalela?
- (c) Terangkan strategi Kerajaan Negeri untuk memutuskan rangkaian sindiket ini serta mengembalikan keyakinan rakyat terhadap kerajaan.

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

8. (a) Statistik kes kecurian kabel *copper*, tangkapan yang dibuat serta di tuduh ke Mahkamah sepanjang tahun 2023, 2024 dan Jan-Sept 2025 mengikut pecahan daerah dan bulan adalah seperti di **LAMPIRAN A**.
- (b) Punca masalah ini terus berulang adalah seperti berikut:
- (i) Kelemahan Sistem Keselamatan Fizikal
 - 1) Kawasan tidak berpagar atau tidak dipantau seperti tapak pencawang, laluan kabel bawah tanah dan stesen luar bandar sering terbuka dan mudah diakses.

- 2) Tiada sistem pemantauan 24 jam seperti kekurangan CCTV, sensor, atau rondaan berkala menjadikan pencuri mudah beroperasi pada waktu malam.
- 3) Kabel tidak ditandakan atau dikesan: Tiada penggunaan teknologi seperti *cable marking* atau *metal detection alert system* menjadikan pencuri sukar dikesan selepas kejadian.

(ii) Faktor Ekonomi dan Sosial

- 1) Harga logam tinggi: Harga tembaga (*copper*) di pasaran gelap sangat menarik, mendorong pencurian berulang.
- 2) Masalah sosial: Pengangguran dan keperluan wang cepat menjadikan individu mudah terjebak.
- 3) Pembeli besi buruk yang tidak beretika: Ada pengusaha scrap metal yang menerima barang curi tanpa semakan asal-usul.

(c) Kerajaan Negeri Pulau Pinang memandang serius isu kecurian kabel tembaga kerana ia menjejaskan keselamatan awam, perkhidmatan utiliti, dan imej pentadbiran negeri. Sehubungan itu, beberapa strategi telah dirangka bagi mengekang aktiviti jenayah ini serta memulihkan keyakinan rakyat terhadap keupayaan kerajaan negeri seperti berikut:

(i) Penguatan Penguatkuasaan dan Pemantauan

- 1) Menjalinkan kerjasama strategik antara Polis Diraja Malaysia (PDRM), Tenaga Nasional Berhad (TNB), Telekom Malaysia (TM) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) untuk menjalankan rondaan dan operasi bersepadu.
- 2) Melaksanakan pemantauan berterusan di kawasan panas (*hotspot*) kecurian melalui kamera litar tertutup (CCTV) serta pengawasan rondaan keselamatan komuniti.

- 3) Tindakan tegas terhadap pembeli besi buruk tidak berlesen yang menjadi saluran utama penjualan kabel curi, termasuk pembatalan lesen dan tindakan undang-undang.

(ii) Pengawasan Rantai Bekalan Logam

- 1) Memperketatkan lesen perniagaan kitar semula logam dengan syarat tambahan seperti keperluan dokumentasi asal-usul barangan.
- 2) Menubuhkan pangkalan data bersama antara agensi untuk menjejak transaksi jual beli logam bagi mengesan aktiviti mencurigakan.
- 3) Melaksanakan penguatkuasaan berjadual di premis kitar semula bagi memastikan tiada aktiviti menerima barangan curi.

(iii) Penggunaan Teknologi Moden

- 1) Menggalakkan syarikat utiliti menggantikan kabel tembaga kepada kabel gentian optik (fiber) atau aluminium, yang kurang mempunyai nilai pasaran gelap.
- 2) Menyokong penggunaan sensor pengesan aktiviti pemotongan kabel yang boleh memberi amaran awal kepada pasukan keselamatan.

(iv) Pendekatan Pendidikan dan Kesedaran Komuniti

- 1) Menjalankan kempen kesedaran di peringkat MPKK, sekolah, dan komuniti setempat mengenai kesan kecurian kabel terhadap keselamatan dan perkhidmatan awam.
- 2) Melibatkan sukarelawan komuniti dan rondaan masyarakat (Rukun Tetangga) bagi membantu menyalurkan maklumat kepada pihak berkuasa.

(v) Pemulihan Keyakinan Rakyat

- 1) Menunjukkan ketelusan dalam siasatan dan pelaporan kes-kes kecurian yang berjaya ditumpaskan.
- 2) Mempercepatkan proses baik pulih infrastruktur terjejas seperti lampu jalan dan sambungan komunikasi.
- 3) Mengadakan sesi libat urus (*engagement session*) dengan rakyat untuk menerangkan langkah-langkah pencegahan serta kemajuan tindakan kerajaan negeri.

LAMPIRAN A

Kecurian kabel *cooper*.

(a) Senaraikan bilangan aduan diterima, tangkapan dibuat, dituduh ke mahkamah mengikut daerah dan bulan sejak 2023.

Statistik kes kecurian kabel *Cooper*, tangkapan yang dibuat serta di tuduh ke Mahkamah sepanjang tahun 2023, 2024 dan Jan-Sept 2025 mengikut pecahan daerah dan bulan adalah seperti berikut:

Januari - Disember 2023

BULAN	TIMUR LAUT			BARAT DAYA			SDG PERAI UTARA			SDG PERAI TENGAH			SDG PERAI SELATAN			JUMLAH KES		
	AMLAH KES	JUMLAH TANGKAP	JUMLAH TUDUH	AMLAH KES	JUMLAH TANGKAP	JUMLAH TUDUH	AMLAH KES	JUMLAH TANGKAP	JUMLAH TUDUH	AMLAH KES	JUMLAH TANGKAP	JUMLAH TUDUH	AMLAH KES	JUMLAH TANGKAP	JUMLAH TUDUH	AMLAH KES	JUMLAH TANGKAP	JUMLAH TUDUH
JANUARI	1	2	2				2						2	12	2	5	14	4
FEBRUARI	2						4	1	1				1			7	1	1
MAR	2						4			1			1			8	0	0
APRIL	3	3	3	1			3	1	1							7	4	4
MAY				1			3	1	1							4	1	1
JUN	1						1	1	1	2						4	1	1
JULAI										1	1	1	3			4	1	1
AGOS	3						2			3	2	2	3	1	1	11	3	3
SEPTEMBER							1	1	1	5			2	2	2	8	3	3
OKTOBER	3						2	1	1	3	1	1				8	2	2
NOVEMBER	2	1	1	1			3	1	1	6	3	3	2	3	1	14	8	6
DESEMBER							1									1	0	0
JUMLAH	17	6	6	3	0	0	26	7	7	21	7	7	14	18	6	81	38	26

Januari - Disember 2024

BULAN	TIMUR LAUT			BARAT DAYA			SBO PERAI UTARA			SBO PERAI TENGAH			SBO PERAI SELATAN			JUMLAH KES		
	ARAH KES	JUMLAH TANGKAP	ARAH TUDUH	ARAH KES	JUMLAH TANGKAP	ARAH TUDUH	JUMLAH KES	JUMLAH TANGKAP	ARAH TUDUH	JUMLAH KES	JUMLAH TANGKAP	ARAH TUDUH	JUMLAH KES	JUMLAH TANGKAP	JUMLAH TUDUH	JUMLAH KES	ARAH TANGKAP	JUMLAH TUDUH
JANUARI	3	3	1	1	1	1	4	4		4	17	3	1	2	2	13	27	7
FEBRUARI	1	4		1	1	1	4	4	1	2			2	4		10	13	2
MAR	4	11	2	2	2	1				7	9	1	1			14	22	4
APRIL	2			1	2	1				1	1		2	5		6	8	1
MAY	3	14	2				3	5	4	2	1	1				8	20	7
JUN							3	6	5	1	1		2	4	1	6	11	6
JULAI	1	1		1	6	1	1	1		2	8	6				5	16	7
AGOS	2			3	5	1	3	3	2	2	8	2	11	16	9	21	32	14
SEPTEMBER	2	7	1	3	3	2				1	6	2				6	16	5
OKTOBER							3	7	2							3	7	2
NOVEMBER				2	5	2										2	5	2
DESEMBER				2	4	1				3	6	6	2			7	10	7
JUMLAH	18	40	6	16	29	11	21	30	14	25	57	21	21	31	12	101	187	64

Januari - September 2025

BULAN	TAMUR LAUT			BARAT DAYA			SBO PERAI UTARA			SBO PERAI TENGAH			SBO PERAI SELATAN			JUMLAH KES		
	JUMLAH KES	JUMLAH TANGKAP	JUMLAH TUDUH	JUMLAH KES	JUMLAH TANGKAP	JUMLAH TUDUH	JUMLAH KES	JUMLAH TANGKAP	JUMLAH TUDUH	JUMLAH KES	JUMLAH TANGKAP	JUMLAH TUDUH	JUMLAH KES	JUMLAH TANGKAP	JUMLAH TUDUH	JUMLAH KES	JUMLAH TANGKAP	JUMLAH TUDUH
JANUARI	1			2	1	1	1	1	1	4	1	1				8	3	3
FEBRUARI				1			2			2	2	2	1	1	1	6	3	3
MAR	1	1		2						2	1	1	2	3	3	7	5	4
APRIL				1			3	8	6							4	8	6
MAY	5	5		2	2	2	1						2	4	4	10	11	6
JUN							1	1					1			2	1	0
JULAI	1			2			1						1	1		5	1	0
AGOS				1			1						3	1		5	1	0
SEPTEMBER	1												2			3	0	0
OKTOBER																0	0	0
NOVEMBER																0	0	0
DESEMBER																0	0	0
JUMLAH	9	6	0	11	3	3	10	10	7	8	4	4	12	10	8	50	33	22

(b) Di manakah kelemahan dan kesilapannya yang menyebabkan masalah ini terus berulang serta pencuri masih bermaharajalela?

1. Kelemahan Sistem Keselamatan Fizikal

- a) Kawasan tidak berpagar atau tidak dipantau seperti tapak pencawang, laluan kabel bawah tanah dan stesen luar bandar sering terbuka dan mudah diakses.
- b) Tiada sistem pemantauan 24 jam seperti kekurangan CCTV, sensor, atau rondaan berkala menjadikan pencuri mudah beroperasi pada waktu malam.
- c) Kabel tidak ditandakan atau dikesan: Tiada penggunaan teknologi seperti *cable marking* atau *metal detection alert system* menjadikan pencuri sukar dikesan selepas kejadian.

2. Faktor Ekonomi dan Sosial

- a) Harga logam tinggi: Harga tembaga (copper) di pasaran gelap sangat menarik, mendorong pencurian berulang.
- b) Masalah sosial: Pengangguran dan keperluan wang cepat menjadikan individu mudah terjebak.
- c) Pembeli besi buruk yang tidak beretika: Ada pengusaha scrap metal yang menerima barang curi tanpa semakan asal-usul.

(c) Terangkan strategi Kerajaan Negeri untuk memutuskan rangkaian sindiket ini serta mengembalikan keyakinan rakyat terhadap kerajaan.

Kerajaan Negeri Pulau Pinang memandang serius isu kecurian kabel tembaga kerana ia menjejaskan keselamatan awam, perkhidmatan utiliti, dan imej pentadbiran negeri. Sehubungan itu, beberapa strategi telah dirangka bagi mengekang aktiviti jenayah ini serta memulihkan keyakinan rakyat terhadap keupayaan kerajaan negeri seperti berikut:

1. Pengukuhan Penguatkuasaan dan Pemantauan

- Menjalinkan kerjasama strategik antara Polis Diraja Malaysia (PDRM), Tenaga Nasional Berhad (TNB), Telekom Malaysia (TM) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) untuk menjalankan rondaan dan operasi bersepadu.
- Melaksanakan pemantauan berterusan di kawasan panas (hotspot) kecurian melalui kamera litar tertutup (CCTV) serta pengawasan rondaan keselamatan komuniti.
- Tindakan tegas terhadap pembeli besi buruk tidak berlesen yang menjadi saluran utama penjualan kabel curi, termasuk pembatalan lesen dan tindakan undang-undang.

2. Pengawalan Rantai Bekalan Logam

- Memperketatkan lesen perniagaan kitar semula logam dengan syarat tambahan seperti keperluan dokumentasi asal-usul barangan.
- Menubuhkan pangkalan data bersama antara agensi untuk menjejak transaksi jual beli logam bagi mengesan aktiviti mencurigakan.
- Melaksanakan penguatkuasaan berjadual di premis kitar semula bagi memastikan tiada aktiviti menerima barangan curi.

3. Penggunaan Teknologi Moden

- Menggalakkan syarikat utiliti menggantikan kabel tembaga kepada kabel gentian optik (fiber) atau aluminium, yang kurang mempunyai nilai pasaran gelap.
- Menyokong penggunaan sensor pengesan aktiviti pemotongan kabel yang boleh memberi amaran awal kepada pasukan keselamatan.

4. Pendekatan Pendidikan dan Kesedaran Komuniti

- Menjalankan kempen kesedaran di peringkat MPKK, sekolah, dan komuniti setempat mengenai kesan kecurian kabel terhadap keselamatan dan perkhidmatan awam.

- Melibatkan sukarelawan komuniti dan rondaan masyarakat (Rukun Tetangga) bagi membantu menyalurkan maklumat kepada pihak berkuasa.

5. Pemulihan Keyakinan Rakyat

- Menunjukkan ketelusan dalam siasatan dan pelaporan kes-kes kecurian yang berjaya ditumpaskan.
- Mempercepatkan proses baik pulih infrastruktur terjejas seperti lampu jalan dan sambungan komunikasi.
- Mengadakan sesi libat urus (engagement session) dengan rakyat untuk menerangkan langkah-langkah pencegahan serta kemajuan tindakan kerajaan negeri.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(I)9

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN MACHANG BUBUK
YB LEE KHAI LOON**

9. Kaunselor bertauliah.

- (a) Nyatakan nisbah kaunselor : pelajar terkini di setiap sekolah dalam Negeri Pulau Pinang.
- (b) Apakah skop kerja rasmi kaunselor dan adakah kaunselor juga dilantik sebagai guru pengganti di sekolah yang kekurangan guru?
- (c) Terangkan secara terperinci usaha Kerajaan Negeri dalam menjadikan sekolah selamat serta kesihatan mental dalam komuniti sekolah?

**YB DATO' DR. MOHAMAD BIN ABDUL HAMID
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

9. (a) Nisbah Guru Bimbingan dan Kaunseling (GBK) kepada bilangan murid adalah 1 GBK: 500 murid. Nisbah ini adalah tertakluk dengan nisbah yang telah digariskan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Di samping itu, nisbah bilangan GBK di sekolah menengah adalah mengikut nisbah yang telah ditetapkan namun nisbah GBK di sekolah rendah masih terdapat kekurangan seramai 41 orang GBK di seluruh Negeri Pulau Pinang.
- (b) Skop kerja rasmi GBK di sekolah adalah berdasarkan kepada empat (4) fokus iaitu:

- (i) Pengembangan dan pembangunan sahsiah diri murid iaitu melahirkan perwatakan murid yang berketrampilan dan terpuji;
- (ii) Peningkatan disiplin murid untuk melahirkan murid yang berdisiplin dan persekitaran sekolah yang aman sejahtera;
- (iii) Pendidikan kerjaya murid untuk melahirkan murid yang mengetahui hala tuju pendidikan dan kerjaya masa hadapan; dan
- (iv) Psikososial dan kesejahteraan murid iaitu untuk melahirkan murid yang mempunyai emosi dan pemikiran sihat dan sejahtera

Di samping itu, bagi sekolah yang mempunyai kekurangan GBK, lantikan dalaman boleh dibuat oleh pihak sekolah kepada guru yang difikirkan sesuai. Namun begitu, tiada lantikan kontrak untuk GBK kerana tugas GBK memerlukan set kemahiran dan pengetahuan yang khusus. Sekolah yang kekurangan guru untuk mengajar, GBK boleh diberikan waktu kelas ganti selama lapan (8) waktu untuk menjalankan intervensi yang sesuai.

- (c) Antara usaha Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang (JPNPP) dalam menjadikan sekolah selamat adalah memastikan semua sekolah telah menjalankan saringan Minda Sihat kepada murid sebanyak 2 kali setahun dan menjalankan intervensi umum dan khusus untuk membantu murid yang memerlukan bantuan dalam hal kesihatan mental. Kerajaan Negeri juga turut membantu dalam menyelaraskan program antara jabatan berkaitan agar wujud kolaboratif antara jabatan kerajaan lebih tersusun.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(I)10

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN MACHANG BUBUK
YB LEE KHAI LOON**

10. Penipuan atas talian jenis *pig-butchering*.
- (a) Senaraikan bilangan kes, kerugian, pendakwaan dan pemulihan kerugian mangsa di Negeri Pulau Pinang mengikut daerah sejak 2022.
 - (b) Adakah Kerajaan Negeri akan mencontohi tindakan DOJ Amerika Syarikat yang berjaya menangkap serta memulangkan aset hasil penipuan?
 - (c) Sekiranya tidak, kenapa?

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

10. *Pig Butchering* merupakan satu bentuk penipuan dalam talian berasaskan manipulasi emosi, di mana mangsa dipujuk menjalin hubungan mesra atau percintaan palsu sebelum diperdaya untuk melabur dalam skim pelaburan tidak wujud.
- (a) Statistik *Love Investment Scam* Kontinjen Pulau Pinang bagi tempoh tahun 2022 hingga 2025.

Pecahan Kes *Love Investment Scam* Mengikut Pecahan Daerah Di Pulau Pinang.

Tahun	2023		2024		2025	
	Kes	Kerugian	Kes	Kerugian	Kes	Kerugian
Timur Laut	1	RM228,214.00				
Seberang Perai Utara						
Seberang Perai Tengah					2	RM1,601,994.50
Seberang Perai Selatan						
Barat Daya			1	RM111,640.00	1	RM52,000.00
Jumlah	1	RM228,214.00	1	RM111,640.00	3	RM1,653,994.50

Berdasarkan statistik di atas, sepanjang tempoh tahun 2022 hingga Oktober 2025, sejumlah 5 kes *Love Investment Scam* telah direkodkan di Kontinjen Pulau Pinang dengan jumlah keseluruhan kerugian sebanyak **RM1,993,848.50**.

Perincian mengikut tahun adalah seperti berikut:

TAHUN	BILANGAN KES	KERUGIAN (RM)
2022	0	0
2023	1	228,214.00
2024	1	111,640.00
2025	3	1,653,994.50

Secara keseluruhannya, trend kes *Love Investment Scam* menunjukkan peningkatan yang ketara pada tahun 2025 berbanding tahun-tahun sebelumnya, dengan jumlah kerugian juga meningkat hampir lapan kali ganda berbanding dua tahun terdahulu.

Berdasarkan kes "*Love Investment Scam*" yang dilaporkan di Pulau Pinang, siasatan bagi tahun 2023 dan 2024 menunjukkan bahawa pihak polis telah berjaya menahan serta mendakwa pemilik akaun bank yang terlibat bagi kedua-dua kes tersebut.

Namun begitu, tiada sebarang pemulangan wang kepada pengadu dapat dilakukan memandangkan pengadu tidak menghubungi National Scam Response Center (NSRC) untuk tujuan pensitaan dan pemulangan semula wang (fund recovery).

Kebiasaannya, dalam kes seumpama ini, pengadu hanya menyedari telah diperdaya selepas tempoh dua hingga tiga bulan, iaitu setelah mengalami kerugian yang besar. Kelewatan membuat laporan menyebabkan tindakan segera untuk menyekat transaksi atau membekukan akaun penerima tidak dapat dilaksanakan dalam tempoh masa kritikal, sekali gus menjejaskan peluang pemulangan wang.

Bagi tahun 2025, berdasarkan tiga (3) kes yang direkodkan, hanya satu (1) kes telah didaftarkan dengan NSRC. Walau bagaimanapun, jumlah sitaan yang direkodkan adalah kosong, antara sebab utamanya ialah pengadu hanya menyedari telah diperdaya selepas dua hingga tiga bulan daripada tarikh transaksi dilakukan.

(b) Kerajaan Malaysia pada tahun 2022 telah menubuhkan National Scam Response Center (NSRC) iaitu pusat nasional bagi menangani dan menyelaras tindakan segera terhadap kes penipuan dalam talian (online scams). NSRC berperanan sebagai pusat sehenti (one-stop centre) untuk menerima laporan segera daripada orang awam yang menjadi mangsa penipuan kewangan dalam talian. Melalui talian *Hotline* 997, mangsa boleh membuat laporan serta-merta bagi membolehkan tindakan pantas diambil untuk membekukan transaksi atau akaun penerima yang terlibat. Pusat ini adalah kerjasama antara beberapa agensi utama seperti:

- (i) Polis Diraja Malaysia (PDRM);
- (ii) Bank Negara Malaysia (BNM);
- (iii) Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM);
- (iv) Kementerian Kewangan (MOF); dan
- (v) Institusi kewangan tempatan.

Tujuan utama penubuhan NSRC ialah untuk mengurangkan kerugian mangsa, mempercepat proses tindak balas, dan meningkatkan keberkesanan siasatan terhadap jenayah siber dan penipuan dalam talian. Berikut adalah mekanisme yang digunakan untuk melakukan pemulangan wang mangsa:

(i) Laporan Segera ke NSRC (Hotline 997)

- Mangsa perlu menghubungi **talian 997** sebaik sahaja menyedari bahawa mereka telah ditipu.
- NSRC akan menyelaraskan tindakan dengan **bank, polis, dan penyedia perkhidmatan telekomunikasi** untuk menghentikan transaksi yang mencurigakan.

(ii) Sekatan Dana dan Siasatan

- Jika laporan dibuat dengan pantas, NSRC boleh membantu **menyekat wang yang telah dipindahkan** sebelum ia dikeluarkan oleh *scammer*.
- Polis dan pihak berkuasa akan menjalankan siasatan untuk mengenal pasti akaun keldai yang digunakan oleh penjenayah.
- Proses sitaan wang dibawah seksyen 116D KTJ perlu dilakukan oleh Pegawai Penyiasat terhadap jumlah yang terdapat dalam akaun suspek kepada institusi kewangan melalui portal eFSA.

(iii) Proses Pemulangan Wang

- Setelah siasatan membuktikan bahawa wang tersebut adalah milik mangsa, pihak berkuasa boleh memulangkan dana tersebut setelah permohonan diluluskan oleh Majistret.
- Perintah pemulangan wang akan dihantar kepada institusi kewangan melalui portal eFSA setelah Pegawai Penyiasat mengemaskini status kelulusan pemulangan wang dibawah Seksyen 413 KTJ.

- Proses pemulangan biasanya mengambil masa **3 hingga 6 bulan**, bergantung kepada bukti dan prosedur undang-undang.
- Mangsa mungkin perlu hadir ke mahkamah untuk melengkapkan prosedur di bawah **Seksyen 413 Kanun Tatacara Jenayah (KTJ)**.

(iv) Kepentingan Laporan Polis

- **Laporan polis adalah wajib** untuk memastikan wang yang disekat dapat diproses dan dipulangkan.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(I)11

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN MACHANG BUBUK
YB LEE KHAI LOON**

11. *Pewartaan Middle Bank.*

- (a) Mengapakah Kerajaan Negeri tidak menyahut saranan Prof. Aileen Tan supaya pewartaan *Middle Bank* dijalankan serentak dengan projek pembangunan di sekitarnya?
- (b) Siapakah yang akan bertanggungjawab sekiranya kemusnahan ekologi berlaku sebelum pewartaan dilaksanakan?
- (c) Apakah pendirian Kerajaan Negeri terhadap model pengurusan bersama (Marine Managed Area) atau lokasi alternatif pembangunan?

**YB DATO' SERI SUNDARAJOO A/L SOMU
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

11. (a) Status pewartaan *Middle Bank* tidak menjejaskan komitmen Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk memelihara dan memulihara kawasan tersebut. Bukti jelas dapat dilihat melalui semakan semula laluan awal projek LRT yang pada asalnya merentas *Middle Bank*, namun diubah melalui kawasan Macallum bagi mengelakkan kesan kepada kawasan berkenaan, selaras dengan cadangan sempadan pewartaan oleh Penang Institute dan Centre for Marine and Coastal Studies (CEMACS).

- (b) Kemusnahan ekologi lautan berpunca daripada gabungan pelbagai aktiviti manusia termasuk pembuangan sampah, pelepasan sisa tidak dirawat oleh industri, penternakan dan pertanian, serta kesan perubahan iklim. Faktor-faktor ini bukan sahaja menjejaskan *Middle Bank*, malah seluruh ekosistem marin di utara Semenanjung. Walaupun sukar menentukan pihak tertentu sebagai punca, Kerajaan Negeri tetap komited memelihara ekosistem marin, khususnya di *Middle Bank*, tanpa mengira status pewartaan semasa.
- (c) Kerajaan Negeri mengalu-alukan cadangan model pengurusan bersama (co-management) dan konsep *co-existence* dalam perancangan masa depan *Middle Bank*. Namun, penekanan utama adalah keperluan merawat Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Jelutong, yang berpotensi menjadi sumber pencemaran tambahan terhadap ekosistem marin. Pengalaman antarabangsa menunjukkan tapak pelupusan pantai yang tidak dirawat boleh menjejaskan habitat laut, justeru rawatan menyeluruh perlu dilaksanakan bagi memastikan kesinambungan ekosistem *Middle Bank* kekal terpelihara.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(I)12

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN MACHANG BUBUK
YB LEE KHAI LOON**

12. Kualiti air sungai.

- (a) Senaraikan stesen pemantauan kualiti air sungai di Pulau Pinang mengikut lokasi serta keberkesanannya.
- (b) Senaraikan nilai WQI terkini mengikut sungai utama dan sungai *tributaries*.
- (c) Terangkan langkah khusus Kerajaan Negeri untuk memastikan sungai-sungai di bawah 'kelas III' dipulihkan kepada sekurang-kurangnya kelas II seperti sasaran JAS.

**YB DATO' SERI SUNDARAJOO A/L SOMU
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

12. (a) Terdapat 58 stesen manual dan 1 stesen automatik berada di Sg Kulim ± 1 km dari Loji Toh Alang. Stesen automatik memberikan amaran awal kepada JAS Pulau Pinang. Stesen-stesen ini dapat membantu agensi-agensinya berkaitan dalam mengenal pasti status kualiti air sungai dari semasa ke semasa dan merangka perancangan yang bersesuaian. Stesen pengawasan kualiti air sungai manual adalah seperti di **LAMPIRAN A**.
- (b) Nilai Water Quality Index (WQI) terkini mengikut sungai utama dan sungai *tributaries* adalah seperti di **LAMPIRAN B**.

(c) Terdapat dua (2) jawatankuasa utama di bawah Kerajaan Negeri Pulau Pinang bagi memantau dan menyelaras isu pencemaran sungai:

(i) **Jawatankuasa Tetap Alam Sekitar**

Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Pulau Pinang mengenal pasti dan membawa isu pencemaran sungai ke mesyuarat ini. Tindakan penguatkuasaan dijalankan oleh agensi berkaitan seperti Jabatan Alam Sekitar (JAS), (PBT), Jabatan Perikanan, Jabatan Veterinar, Pejabat Daerah dan Tanah serta agensi lain.

(ii) **Jawatankuasa Ops Lumpur**

JPS Pulau Pinang merupakan urusetia bagi jawatankuasa ini yang memantau pematuhan kerja tanah dan pelan kawalan hakisan (ESCP) di seluruh negeri dengan penyertaan MBPP, MPSP, JAS, JKR dan Pejabat Daerah dan Tanah. Fokus utamanya ialah mengurangkan risiko banjir lumpur di tapak binaan serta memantau pencemaran air akibat hakisan dan enapan.

LAMPIRAN A

Lembangan	Sungai	No Stesen
Sg. Bayan Lepas	Sg. Bayan Lepas	1 PBL003
	Sg. Tiram	1PBL001
	Sg. Tiram	1PBL002
Sg. Jawi	Sg. Chempedak	1PJWI003
	Sg. Jawi	1PJWI001
	Sg. Junjong	1PJWI002
	Sg. Junjong	1PJWI004
	Sg. Machang Bubok	1PJWI007
	Sg. Tengah	1PJWI005
Sg. Juru	Sg. Ara	1PJRU006
	Sg. Juru	1PJRU001
	Sg. Juru	1PJRU012
	Sg. Kilang Ubi	1PJRU002
	Sg. Kilang Ubi	1PJRU003
	Sg. Kilang Ubi	1PJRU009
	Sg. Kilang Ubi	1PJRU010
	Sg. Kilang Ubi	1PJRU011
	Sg. Pasir	1PJRU004
	Sg. Permatang Rawa	1PJRU008
	Sg. Permatang Rawa	1PJRU013
	Sg. Rambai	1PJRU005
	Sg. Rambai	1PJRU007
Sg. Kluang	Sg. Ara	1PKLU002
	Sg. Ara	1PKLU003
	Sg. Dua Besar	1PKLU005
	Sg. Kluang	1PKLU001
	Sg. Relau	1PKLU004
Sg. Perai	Sg. Air Melintas	1PPRI007
	Sg. Jarak	1PPRI009
	Sg. Kereh	1PPRI006
	Sg. Kereh	1PPRI008
	Sg. Kereh	1PPRI024
	Sg. Kubang Semang	1PPRI005
	Sg. Perai	1PPRI003
	Sg. Perai	1PPRI004
Sg. Pinang	Sg. Pertama	1PPRI022
	Sg. Air Itam	1PPNG006
	Sg. Air Itam	1PPNG011
	Sg. Air Itam	1PPNG018

	Sg. Air Terjun	1PPNG019
	Sg. Batu Ferringhi	1PPNG001
	Sg. Batu Ferringhi	1PPNG002
	Sg. Dondang	1PPNG012
	Sg. Dondang	1PPNG013
	Sg. Dondang	1PPNG014
	Sg. Dondang	1PPNG015
	Sg. Dondang	1PPNG016
	Sg. Dondang	1PPNG017
	Sg. Jelutong	1PPNG010
	Sg. Pinang	1PPNG003
	Sg. Pinang	1PPNG008
	Sg. Pinang	1PPNG021
	Sg. Satu	1PPNG020
	Sg. Titi Kerawang	1PPNG004
Sg. Kerian	Sg. Kechil	1PKER002
	Sg. Kechil	1PKER003
	Sg. Kerian	1PKER009
	Sg. Kerian	1PKER014

LAMPIRAN B

Lembangan	Sungai	No Stesen	WQI	Kelas
Sg. Bayan Lepas	Sg. Bayan Lepas	1 PBL003	74	III
	Sg. Tiram	1PBL001	78	II
	Sg. Tiram	1PBL002	62	III
Sg. Jawi	Sg. Chempedak	1PJWI003	42	IV
	Sg. Jawi	1PJWI001	52	IV
	Sg. Junjong	1PJWI002	59	III
	Sg. Junjong	1PJWI004	49	IV
	Sg. Machang Bubok	1PJWI007	65	III
	Sg. Tengah	1PJWI005	55	III
Sg. Juru	Sg. Ara	1PJRU006	75	III
	Sg. Juru	1PJRU001	62	III
	Sg. Juru	1PJRU012	53	III
	Sg. Kilang Ubi	1PJRU002	71	III
	Sg. Kilang Ubi	1PJRU003	72	III
	Sg. Kilang Ubi	1PJRU009	95	I
	Sg. Kilang Ubi	1PJRU010	60	III
	Sg. Kilang Ubi	1PJRU011	66	III
	Sg. Pasir	1PJRU004	63	III
	Sg. Permatang Rawa	1PJRU008	56	III
	Sg. Permatang Rawa	1PJRU013	79	II
	Sg. Rambai	1PJRU005	46	IV
	Sg. Rambai	1PJRU007	60	III
Sg. Kluang	Sg. Ara	1PKLU002	97	I
	Sg. Ara	1PKLU003	60	III
	Sg. Dua Besar	1PKLU005	63	III
	Sg. Kluang	1PKLU001	45	IV
	Sg. Relau	1PKLU004	73	III
Sg. Perai	Sg. Air Melintas	1PPRI007	59	III
	Sg. Jarak	1PPRI009	73	III
	Sg. Kereh	1PPRI006	48	IV
	Sg. Kereh	1PPRI008	55	III
	Sg. Kereh	1PPRI024	63	III
	Sg. Kubang Semang	1PPRI005	63	III
	Sg. Perai	1PPRI003	80	II
	Sg. Perai	1PPRI004	61	III

Sg. Pinang	Sg. Pertama	1PPRI022	63	III
	Sg. Air Itam	1PPNG006	69	III
	Sg. Air Itam	1PPNG011	72	III
	Sg. Air Itam	1PPNG018	98	I
	Sg. Air Terjun	1PPNG019	97	I
	Sg. Batu Ferringhi	1PPNG001	81	II
	Sg. Batu Ferringhi	1PPNG002	97	I
	Sg. Dondang	1PPNG012	56	III
	Sg. Dondang	1PPNG013	58	III
	Sg. Dondang	1PPNG014	77	II
	Sg. Dondang	1PPNG015	79	II
	Sg. Dondang	1PPNG016	67	III
	Sg. Dondang	1PPNG017	74	III
	Sg. Jelutong	1PPNG010	72	III
	Sg. Pinang	1PPNG003	83	II
	Sg. Pinang	1PPNG008	51	III
	Sg. Pinang	1PPNG021	41	III
	Sg. Satu	1PPNG020	98	I
	Sg. Titi Kerawang	1PPNG004	57	III
	Sg. Kerian	Sg. Kechil	1PKER002	92
Sg. Kechil		1PKER003	90	II
Sg. Kerian		1PKER009	83	II
Sg. Kerian		1PKER014	85	II

WQI :

	>92.7	Kelas I
	76.5- 92.7	Kelas II
	51.9 – 76.5	Kelas III
	31.0 – 51.9	Kelas IV
	<31.0	Kelas V

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(I)13

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN MACHANG BUBUK
YB LEE KHAI LOON**

13. World EXPO Osaka 2025.

- (a) Senaraikan hasil penyertaan Kerajaan Negeri termasuk syarikat pelaburan, nilai pelaburan serta MoU yang telah dimeterai.
- (b) Perincikan hasil RM5 bilion yang diumumkan tersebut serta tetapkan garis masa ia direalisasikan.
- (c) Apakah mekanisme pemantauan, mitigasi, audit serta klausa tanggungan sekiranya pelaburan atau MoU tidak menjadi kenyataan?

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

13. (a) Semasa Minggu Pulau Pinang di World EXPO Osaka 2025, Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) telah berjaya memeterai tiga (3) *Memorandum of Understanding* (MoU) seperti jadual di bawah:

BIL.	SYARIKAT	PROJEK	ANGGARAN NILAI PELABURAN (RM JUTA)
1.	PDC & Federal Express Services (M) Sdn. Bhd. (FedEX)	Penang International Logistics Aeropark	153.0

BIL.	SYARIKAT	PROJEK	ANGGARAN NILAI PELABURAN (RM JUTA)
2.	PDC & DHL Express (Malaysia) Sdn. Bhd.	Penang International Logistics Aeropark	153.0
3.	Solar Voltech Sdn. Bhd., Shizen International & Atlantic Blue	Development of a 100MW Ground-Mounted or Floating Solar Power System integrated with a 225 MWh Battery Energy Storage System (BESS) under the CRESS initiative	120.0

Selain itu, InvestPenang telah mempromosi industri reka bentuk litar bersepadu (IC) melalui inisiatif *Penang Silicon Design @5KM+* (PSD@5KM+). Pihak InvestPenang bersama JETRO telah menganjurkan *Penang, Malaysia Business Seminar* JETRO di Pavilion Malaysia pada 24 September 2025 dengan bertemakan "*Penang: Gateway to Southeast Asia's Innovation Economy*". Seminar ini memperkenalkan Pulau Pinang sebagai hab inovasi dan teknologi serta mempamerkan empat (4) syarikat reka bentuk IC tempatan iaitu Oppstar Technology, Silicon X, SkyeChip dan Tenasic Technology

Seminar ini telah memberi peluang kepada lebih 30 delegasi Jepun untuk menjalin kerjasama dalam reka bentuk cip generasi akan datang, memperkukuh kedudukan Pulau Pinang sebagai pemain global dalam industri reka bentuk IC

dan membuka jalan bagi hubungan jangka panjang antara Malaysia dan Jepun. Seminar ini juga menekankan kemampuan Pulau Pinang untuk menarik pelaburan strategik sekaligus memacu pembangunan inovasi di rantau Asia Tenggara.

- b) Hasil RM5 bilion yang diumumkan oleh YAB Ketua Menteri Pulau Pinang adalah merujuk kepada anggaran kos keseluruhan projek pembangunan strategik yang diuruskan oleh PDC. Terdapat enam (6) projek yang merupakan sebahagian daripada senarai projek berimpak tinggi di bawah Pelan Strategik PDC 2024-2028 yang dipromosikan semasa di World EXPO Osaka 2025 bagi menarik pelaburan asing. Senarai projek tersebut adalah seperti yang berikut:

BIL.	PROJEK	JANGKAAN SIAP
1.	The Coast	2030
2.	Penang Linear Waterfront	2029
3.	Batu Kawan Industrial Park 3 (BKIP 3)	2031
4.	Penang International Logistics Aeropark (PILA)	Fasa 1 – 2028
5.	Medi-City	Fasa 1 - 2033
6.	GBS @ Technoplex	2028

Berdasarkan unjuran anggaran pulangan hasil, The Coast akan memberikan hasil sebanyak RM1.75 bilion, BKIP3 sebanyak RM1.3 bilion, PILA sebanyak RM365 juta dan GBS @ Technoplex adalah sebanyak RM653.15 juta. Bagi projek Penang Linear Waterfront dan Medi-City, anggaran pulangan hasil akan diperincikan dan diperhalusi dari semasa ke semasa selaras dengan pelaksanaan fasa-fasa pembangunan bagi kedua-dua projek berkenaan.

- (c) Pelaksanaan projek di bawah MoU dipantau secara berterusan oleh PDC dan langkah mitigasi seperti mengenalpasti pelabur alternatif turut diambil sekiranya pelabur asal tidak menjadi kenyataan.

Secara umum, MoU adalah dokumen yang tidak mengikat secara undang-undang, berdasarkan klausa tanggung di dalam MOU, sekiranya pelaburan atau kerjasama yang dirancang tidak direalisasikan, mana-mana pihak berhak menamatkan MoU ini dengan memberikan notis bertulis sekurang-kurangnya satu (1) bulan seperti yang diperuntukkan di bawah Klausa 7(a).

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(I)14

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN MACHANG BUBUK
YB LEE KHAI LOON**

14. Industri kreatif.

- (a) Mengapa sehingga kini tiada plan strategik menyeluruh industri kreatif yang merangkumi sasaran, bajet, KPI dan garis masa?
- (b) Senaraikan jumlah peruntukan, pecahan kategori (acara, geran, latihan) dan bilangan penerima manfaat mengikut tahun sejak 2018.
- (c) Apakah insentif dan skim sokongan yang dilaksanakan untuk menarik dan mengekalkan bakat kreatif?

YB WONG HON WAI

MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

14. (a) Fokus Kerajaan Negeri adalah untuk mengangkat industri kreatif Pulau Pinang ke peringkat nasional dan antarabangsa melalui usaha penyenaraian warisan kebangsaan serta pengiktirafan di bawah UNESCO. Sebagai contoh, Kebaya telah menerima pengiktirafan UNESCO sebagai Warisan Budaya Tidak Ketara pada tahun 2023 melalui pencalonan serantau yang turut melibatkan Malaysia, Indonesia, Singapura, Thailand, Brunei dan Kemboja.

Sementara itu, bagi Perarakan Chingay Pulau Pinang, Kerajaan Negeri sedang bekerjasama dengan Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Singapura, agensi warisan serta

rakan serantau untuk proses pencalonan bersama bagi disenaraikan sebagai Warisan Budaya Tidak Ketara UNESCO. Kerajaan Negeri turut menyokong pencalonan bersama tarian singa oleh Malaysia dan China sebagai Warisan Budaya Tidak Ketara UNESCO. Sebagai usaha sokongan, Kerajaan Negeri telah menganjurkan Pertandingan Tarian Singa Atas Tiang Antarabangsa Pulau Pinang di Seberang Perai pada 7-9 November 2025.

Proses pencalonan ini kebiasaannya mengambil tempoh sekitar tiga (3) hingga lima (5) tahun, termasuk penyediaan kertas kerja, dokumentasi warisan hidup, penglibatan komuniti, sesi libat urus dan penilaian teknikal di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Kos pelaksanaan proses ini ditanggung melalui peruntukan sedia ada Kerajaan Negeri dan disokong oleh agensi berkaitan.

- (b) Senarai jumlah peruntukan, pecahan kategori dan bilangan penerima manfaat mengikut tahun sejak 2020 adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

- (c) Kerajaan Negeri menyokong pembangunan bakat kreatif melalui penyaluran dana di bawah Jawatankuasa MMK Ekonomi Kreatif bagi melaksanakan program kesenian dan kebudayaan merangkumi pelbagai skala, termasuk latihan, produksi serta penyertaan seniman tempatan dalam acara berkaitan. Di samping itu, penganjuran program kesenian utama seperti George Town Festival, Butterworth Fringe Festival dan Nibong Tebal Festival turut menyediakan platform penting kepada para seniman, penggiat seni dan komuniti kreatif untuk mengetengahkan karya mereka, memperluas jaringan kolaborasi serta meningkatkan keterlihatan di peringkat negeri, nasional dan antarabangsa.

LAMPIRAN A

JUMLAH PERUNTUKAN, PECAHAN KATEGORI (ACARA, GERAN, LATIHAN) DAN BILANGAN PENERIMA MANFAAT MENGIKUT TAHUN (2020 – OKTOBER 2025)

TAHUN	BILANGAN/KATEGORI	BILANGAN PENERIMA	JUMLAH (RM)
2020	33 acara	33	146,030.00
2021	15 acara	15	116,986.00
2022	16 acara	16	177,750.00
2023	28 acara	28	720,235.01
2024	29 acara	29	160,500.00
2025 (Sehingga Oktober)	43 acara	43	195,850.00
JUMLAH			1,517,351.01

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(I)15

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN MACHANG BUBUK
YB LEE KHAI LOON**

15. Creative Digital District (CD²)@George Town.
- (a) Terangkan status dan perancangan pembangunan yang diumumkan sebagai hab industri digital dan kreatif.
 - (b) Bila ia dijangka beroperasi sepenuhnya dan siapa penerima manfaatnya?
 - (c) Berapakah bajet yang diperuntukkan oleh Kerajaan Negeri untuk projek CD² serta jumlah sebenar yang dibelanjakan sehingga kini?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

15. Creative Digital District (CD²)@George Town).
- (a) CD²@George Town merupakan sebuah kawasan yang berpusat di Gat Lebu China. Kawasan ini pada awal pelaksanaannya memberi fokus untuk menghidupkan semula kawasan teras bandar Pulau Pinang dan mewujudkan sebuah daerah inovasi yang memfokuskan kepada teknologi digital dan industri kreatif. Pada masa kini, kawasan Gat Lebu China telah dihidupkan dengan pembukaan pelbagai kampus, hab reka bentuk kreatif dan pejabat syarikat teknologi dan industri digital serta institusi seni dan budaya seperti berikut:

- (i) Fakulti Teknologi Digital, Wawasan Open University (WOU);
- (ii) Digital Penang;
- (iii) 42Penang;
- (iv) Finexus;
- (v) Penang Science Cluster (PSC);
- (vi) Rekayu;
- (vii) Think City;
- (viii) Pejabat Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC) Zon Utara; dan
- (ix) TS Cloud Sdn. Bhd.

Digital Penang telah melaksanakan pelbagai program dan bengkel serta telah berkolaborasi dengan pelbagai pihak termasuk agensi kerajaan dan pihak swasta. Antara program yang telah dilaksanakan ialah program pembangunan digitalisasi usahawan Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) dan program teknikal yang dapat meningkatkan keupayaan syarikat teknologi pemula di negeri ini.

- (b) CD²@George Town yang meliputi kawasan seluas 114.0 ekar telah dilancarkan pada tahun 2022 oleh YAB Ketua Menteri Pulau Pinang. Pembangunan ini bersifat dinamik dan akan terus berkembang dari semasa ke semasa dengan penyertaan komuniti kreatif dan digital serta syarikat-syarikat berasaskan teknologi bagi membentuk sebuah ekosistem inovasi yang mampan dan berdaya maju di Pulau Pinang. Penerima utama manfaat kawasan ini adalah:
 - (i) Syarikat-syarikat teknologi pemula Pulau Pinang;
 - (ii) Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS);

- (iii) Syarikat digital dan teknologi sederhana dan besar;
dan
 - (iv) Komuniti dan rakyat Pulau Pinang.
- (c) Tiada peruntukan khas yang disediakan oleh Kerajaan Negeri bagi pembangunan CD²@George Town, kecuali peruntukan berkaitan untuk pelaksanaan program dan acara di bawah inisiatif CD² seperti yang dinyatakan. Perbelanjaan langsung bagi projek ini hanya melibatkan kos majlis pelancaran berjumlah RM81,507.00.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(I)16

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN MACHANG BUBUK
YB LEE KHAI LOON**

16. *Made in Penang*

- (a) Nyatakan usaha yang diambil oleh Kerajaan Negeri untuk mewujudkan jenama *Made in Penang* dalam industri kreatif supaya ia boleh dipasarkan ke peringkat serantau dan antarabangsa.
- (b) Bagaimana Kerajaan Negeri memanfaatkan warisan budaya dan identiti tempatan Penang untuk memperkuat kedudukan *Made in Penang* dalam produk kreatif global?

YB WONG HON WAI

MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

16. (a) Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui agensi-agensi berkaitan termasuk *Penang Global Tourism* (PGT) sedang melaksanakan pelbagai inisiatif untuk memperkukuh jenama *Made in Penang* dalam industri kreatif agar dapat dipasarkan ke peringkat serantau dan antarabangsa. Pendekatan ini memberi penekanan kepada keaslian, kreativiti serta identiti budaya Pulau Pinang melalui penghasilan karya seni, reka bentuk, fesyen, makanan, kraf tangan dan juga kandungan filem.

Antara usaha utama ialah menyokong penganjuran festival dan platform kreatif berskala antarabangsa seperti *George Town Festival*, *Butterworth Fringe Festival*, *Nibong Tebal Festival* dan *Penang International Food*

Festival (PIFF) yang berfungsi sebagai pentas pendedahan dan jaringan untuk penggiat seni tempatan.

Selain itu, Kerajaan Negeri turut menyokong pembangunan ruang kreatif dan inkubator industri seperti *Hin Bus Depot* dan Wisma Yeap Chor Ee yang menjadi hab kolaborasi artis, pereka dan usahawan kreatif muda.

Kerajaan Negeri juga memperkukuh promosi pedagang tradisional dan produk tempatan melalui penghasilan siri video dokumentari *Traditional Trades of Penang*, kandungan media sosial serta program jelajah promosi (roadshows), termasuk memasarkan produk tempatan di pasaran luar negara. Produk tradisional yang dipromosikan antara lain seperti capal, songkok, manik, belanca dan lain-lain, Inisiatif ini memastikan warisan seni dan kemahiran turun-temurun dapat dipromosikan dengan lebih meluas sambil memanfaatkan peluang ekonomi baharu.

Selain itu, PGT turut mengukuhkan jenama *Made in Penang* melalui platform pengiktirafan antarabangsa seperti Panduan Michelin yang mengetengahkan keunikan gastronomi Pulau Pinang. Busana tradisional Kebaya, sebagai warisan budaya tempatan, turut dipromosikan melalui kempen fotografi dan penampilan khas semasa jelajah promosi luar negara, termasuk di *World Expo 2025 Osaka* sempena Minggu Pulau Pinang.

- (b) Pulau Pinang mendapat manfaat besar daripada keunikan produk tempatan yang mencerminkan identiti dan warisan negeri ini. Melalui jenama *Made in Penang*, pelbagai produk kreatif seperti kraf tangan, makanan tradisional, fesyen, seni reka dan barangan berasaskan budaya dipromosikan ke peringkat serantau dan antarabangsa. Inisiatif ini bukan sahaja memperkenalkan keistimewaan Pulau Pinang kepada dunia, tetapi juga memperkukuh daya saing pengusaha tempatan dalam pasaran global.

Usaha ini turut menitikberatkan elemen kelestarian, keaslian dan inovasi, memastikan produk yang dipasarkan bukan sahaja berkualiti, malah dihasilkan secara bertanggungjawab terhadap alam sekitar dan komuniti

setempat. Melalui pendekatan ini, *Made in Penang* berfungsi sebagai platform untuk memperkuat ekonomi kreatif, memelihara warisan budaya dan meningkatkan nilai tambah produk tempatan secara mampan.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(I)17

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN MACHANG BUBUK
YB LEE KHAI LOON**

17. Penang World City - Bayan Mutiara.
- (a) Terangkan status terkini kemajuan fizikal projek termasuk nilai pelaburan sebenar yang telah direalisasikan setakat ini.
 - (b) Nyatakan langkah-langkah audit dan semakan dalaman bagi memastikan transaksi jualan tanah, pengaliran dana serta pemindahan hak pembangunan dijalankan secara telus dan bebas daripada pelanggaran undang-undang termasuk AMLA.

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

17. (a) Setakat Oktober 2025, kerja-kerja tebus guna di tapak projek Penang World City, Bayan Mutiara telah mencapai 70% kemajuan fizikal. Berdasarkan Nilai Pembangunan Kasar (Gross Development Value, GDV), projek ini dianggarkan bernilai RM16.0 bilion, dengan hasil penilaian tanah yang diperolehi Kerajaan Negeri berjumlah RM1.072 bilion setakat ini.
- (b) Semua transaksi jualan tanah termasuk pindahmilik tanah telah dilaksanakan berdasarkan terma dan syarat dalam Perjanjian Purchase and Development (PDA) bertarikh 11 November 2011. Semua tindakan yang diambil adalah mematuhi tatakelola dan mengikut segala terma dan syarat yang telah ditandatangani.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(I)18

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN MACHANG BUBUK
YB LEE KHAI LOON**

18. Projek tambakan laut dari Bagan Ajam ke Teluk Air Tawar.
- (a) Terangkan status terkini termasuk perancangan induk *masterplan* dan kemajuan fizikal tentang projek ini.
 - (b) Apakah langkah kontingensi Kerajaan Negeri sekiranya pihak pemaju Rayston Consortium (Butterworth) Sdn Bhd tidak dapat mematuhi syarat atau projek tertangguh?

YB H'NG MOOI LYE

MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

18. Kerajaan Negeri telah meneliti semula pelaksanaan Perjanjian Penambakan Tanah dan Penempatan di kawasan Pantai Bersih, Bagan Ajam, Seberang Perai Utara, yang sebelum ini dimeterai bersama Rayston Consortium (Butterworth) Sdn. Bhd. (RSCB).

Setelah mengambil kira pelbagai faktor termasuk kekangan daripada pihak RCSB berkaitan lokasi tambakan, kos pelaksanaan serta impak sosioekonomi, Kerajaan Negeri telah memutuskan untuk tidak lagi meneruskan perjanjian tersebut. Notis Penamatan Perjanjian berkenaan telah dikemukakan kepada pihak RCSB pada 22 September 2025.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(I)19

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN MACHANG BUBUK
YB LEE KHAI LOON**

19. *Mobile CCTV Watch You.*

- (a) Senaraikan lokasi dan bilangan *mobile CCTV* yang dipasang mengikut KADUN serta bilangan kompaun yang dikeluarkan.
- (b) Sejauh manakah keberkesanan program *Watch You* bagi meningkatkan kecekapan penguatkuasaan MBSP.
- (c) Terangkan bajet dan peruntukan tahunan yang disediakan khusus untuk penyelenggaraan, penggantian dan pemasangan *mobile CCTV*.

YB H'NG MOOI LYE

MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

19. (a) Sebanyak 82 unit kamera CCTV mudah alih (*Watch You*) telah dipasang di seluruh Negeri Pulau Pinang yang terdiri daripada 66 unit di kawasan pentadbiran Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan 16 unit di kawasan pentadbiran Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP). Senarai lokasi kamera CCTV mudah alih mengikut Kawasan Ahli Dewan Undangan Negeri (KADUN) di bawah kawasan pentadbiran MBPP adalah seperti di **LAMPIRAN A** manakala bagi kawasan pentadbiran MBSP adalah seperti di **LAMPIRAN B**.

Bagi tempoh mulai Januari sehingga September 2025, MBPP melaporkan bahawa tiada kompaun dikeluarkan melalui sistem CCTV mudah alih. Sementara itu, MBSP telah

mengeluarkan sebanyak 133 kompaun hasil daripada pemantauan menggunakan sistem yang sama dalam tempoh tersebut.

- (b) Program pemasangan kamera CCTV mudah alih (*Watch You*) telah membantu meningkatkan kecekapan penguatkuasaan MBSP melalui beberapa aspek utama seperti berikut:
- (i) Pemantauan secara masa nyata (*real-time*) yang membolehkan tindakan pantas diambil terhadap sebarang pelanggaran peraturan;
 - (ii) Penyediaan bukti kukuh bagi tindakan undang-undang, seterusnya memperkukuh proses pendakwaan;
 - (iii) Pengurangan kebergantungan kepada rondaan fizikal, sekali gus menjimatkan sumber tenaga manusia; dan
 - (iv) Peningkatan ketelusan dan integriti dalam penguatkuasaan melalui rakaman visual yang berobjektif dan boleh diaudit.

Secara keseluruhannya, pelaksanaan program *Watch You* telah membuktikan keberkesanannya sebagai alat sokongan penting dalam memperkukuh pemantauan serta meningkatkan kecekapan penguatkuasaan di peringkat MBSP.

- (c) Bagi kawasan pentadbiran MBPP, peruntukan tahunan yang disediakan khusus untuk pemasangan dan penyelenggaraan CCTV mudah alih adalah seperti berikut;

TAHUN	PERUNTUKAN (RM)
2023	589,950.00
2024	366,872.00
2025	83,376.00

Manakala bagi MBSP, tiada peruntukan khusus disediakan bagi tujuan penyelenggaraan, penggantian dan pemasangan CCTV mudah alih. Sebanyak 16 unit CCTV mudah alih

tersebut telah diperoleh melalui pembangunan Sistem i-SWEEP iaitu sebuah sistem pemantauan yang bertujuan untuk meningkatkan kecekapan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan bandar.

LAMPIRAN A

Senarai 66 Unit Kamera CCTV Mudah Alih (Watch You) Mengikut KADUN di Kawasan Pentadbiran Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP)

BIL	KADUN	NAMA JALAN / LOKASI
1.	Batu Maung	Hilir Sungai Kluang 4
2.	Batu Uban	Lorong Sungai Dua
3.	Bayan Lepas	Halaman Sungai Ara
4.	Bayan Lepas	Lintang Bayan Lepas
5.	Bayan Lepas	Taman Jajar Sungai Ara
6.	Bayan Lepas	Persimpangan Jalan Teluk Kumbar / Jalan Sungai Batu
7.	Bayan Lepas	Jalan Bukit Kecil 2, Taman Sri Nibong
8.	Bayan Lepas	Persiaran Kelicap (Berdekatan Setia Triangle)
9.	Bayan Lepas	Lorong Permatang Damar Laut 5/8 (Laluan masuk ke Pantai Esen)
10.	Bayan Lepas	Changkat Sungai Ara 2A
11.	Bayan Lepas	Persiaran Bukit Jambul 5
12.	Bayan Lepas	Lebuhraya Nipah
13.	Bayan Lepas	Lengkok Teluk Kumbar 3
14.	Bayan Lepas	Jalan Mahkamah, Bayan Lepas
15.	Komtar	Jalan Gurdwara
16.	Komtar	Persimpangan Jalan Pintal Tali / Pesara Claimant
17.	Komtar	Jalan Thomas / Jalan William
18.	Komtar	Persimpangan Lebuhraya Carnarvon / Lebuhraya Acheh
19.	Komtar	Jalan Pintal Tali

20.	Komtar	Lebuh Carnarvon
21.	Komtar	Jalan Tun Dr. Lim Chwee Leong
22.	Komtar	Persimpangan Lorong Tok Aka / Lebuh Melayu
23.	Komtar	Jalan Dato Keramat (Berdekatan Penang Times Square)
24.	Komtar	Jalan S.P. Chelliah
25.	Padang Kota	Taman Linear, Padang Kota
26.	Padang Kota	Persimpangan Lebuh Penang / Lebuh Union
27.	Padang Kota	Persimpangan Lebuh Penang / Lebuh Bishop
28.	Padang Kota	Persimpangan Lebuh King / Lebuh Gereja
29.	Padang Kota	Lebuh Light
30.	Padang Kota	Lebuh Muntri
31.	Padang Kota	Persimpangan Jalan Burma / Jalan Rangoon
32.	Padang Kota	Lebuh Mcnair (Pasar Lebuh Cecil)
33.	Pengkalan Kota	Lebuh Pantai (Berdekatan Balai Polis Lebuh Pantai)
34.	Pengkalan Kota	Persimpangan Lebuh Union / Lebuh Pantai
35.	Pengkalan Kota	Persimpangan Lorong Pit / Lebuh Ah Quee
36.	Pengkalan Kota	Persimpangan Victoria Street / Gat Lebuh Acheh
37.	Pengkalan Kota	Persimpangan Gat Lebuh Macallum / Lintang Macallum 1
38.	Pengkalan Kota	Taman Kejiranan Macallum
39.	Pengkalan Kota	Lebuh Queen (Little India)
40.	Pulau Betong	Jalan Sungai Burung, Balik Pulau
41.	Pulau Betong	Persimpangan Jalan Baru / Jalan Kuala Jalan Baru
42.	Pulau Tikus	Persimpangan Jalan Gottlieb / Jalan Mount Erskine
43.	Pulau Tikus	Gurney Bay (Playground 1)

44.	Pulau Tikus	Gurney Bay (Seaview)
45.	Pulau Tikus	Gurney Bay (Playground 2)
46.	Pulau Tikus	Persimpangan Jalan Gottlieb / Jalan Mount Erskine
47.	Pulau Tikus	Gurney Bay (Tandas 1)
48.	Pulau Tikus	Gurney Bay (Tandas 2)
49.	Seri Delima	Tanah Lapang Gelugor
50.	Seri Delima	Taman Kejiranan Karpal Singh, Lorong Delima 11
51.	Sungai Pinang	Japanese Garden, Jalan Mas Jelutong
52.	Sungai Pinang	Persiaran Karpal Singh
53.	Sungai Pinang	Persimpangan Lebu Sungai Pinang 1 / Lebu Sungai Pinang 6 (Masjid Al-Bukhary)
54.	Sungai Pinang	Belakang Bomba Jalan Perak
55.	Tanjong Bungah	Chin Farm, Batu Ferringgi
56.	Tanjong Bungah	Jalan Masuk Chin Farm, Batu Ferringgi
57.	Tanjong Bungah	Lintang Lembah Permai 17 (Berdekatan Mira Residence)
58.	Tanjong Bungah	Jalan Lembah Permai (berdekatan BSG Galeria)
59.	Tanjong Bungah	Jalan Batu Ferringgi (Tempat Letak kenderaan Moonlight Bay)
60.	Tanjong Bungah	Jalan Lembah Permai (Berdekatan Klinik Kesihatan Tanjung Bungah)
61.	Tanjong Bungah	Persimpangan Jalan Pepper Estate / Medan Fettes
62.	Tanjong Bungah	Hong Seng Estate
63.	Tanjong Bungah	Jalan Chong Lye Hock
64.	Tanjong Bungah	Jalan Sungai Emas 1
65.	Tanjong Bungah	Jalan Sungai Emas, Batu Ferringgi
66.	Tanjong Bungah	Jalan Sungai Emas 3, Batu Ferringgi

LAMPIRAN B

Senarai 16 Unit Kamera CCTV Mudah Alih (Watch You) Mengikut KADUN di Kawasan Pentadbiran Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP)

BIL	KADUN	NAMA JALAN / LOKASI
1.	Bertam	Permatang Sintok
2.	Pinang Tunggal	Taman Seri Gelugor
3.	Sungai Dua	Simpang Empat Permatang Buluh
4.	Sungai Dua	Sungai Lokan
5.	Sungai Puyu	Jalan Bagan Lalang
6.	Bagan Dalam	Jalan Bagan Baru 1
7.	Bagan Dalam	Jalan Limbungan
8.	Bagan Dalam	Lebuh Kampung Benggali 2
9.	Permatang Pasir	Pasar Awam Sama Gagah
10.	Berapit	Kebuk Mutiara Jaya
11.	Bukit Tengah	Jalan Pengkalan
12.	Perai	Taman Senangin
13.	Bukit Tambun	Jeti Pulau Aman (Pangkalan Cassia)
14.	Bukit Tambun	Jalan Batu Kawan
15.	Jawi	Pasar Awam Bukit Panchor
16.	Sungai Acheh	Pasar Awam Taman Pekaka

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(I)20

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN MACHANG BUBUK
YB LEE KHAI LOON**

20. Kenaikan cukai tanah.

- (a) Adakah kenaikan ini menunjukkan bahawa Kerajaan Negeri gagal mempelbagaikan sumber baru hasil negeri dan pengurusan kewangan?
- (b) Apakah unjuran hasil tambahan?
- (c) Mengapa keputusan kenaikan cukai tanah ini tidak pernah dibuat di bawah pentadbiran Ketua Menteri sebelum ini tetapi dilaksanakan oleh Ketua Menteri Chow Kon Yeow?

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

20. (a) Kerajaan Negeri memutuskan untuk melaksanakan semakan cukai tanah bermula Januari 2026 selepas kali terakhir semakan cukai tanah dibuat pada tahun 1994 iaitu 30 tahun yang lalu. Keputusan untuk menyemak kadar cukai tanah ini dibuat kerana Kerajaan Negeri mendapati hasil negeri khususnya daripada cukai tanah tidak berkembang (*stagnant*) sedangkan nilai tanah di seluruh Pulau Pinang meningkat berkali ganda dalam tempoh 30 tahun. Pengeluaran hakmilik baharu yang terhad kepada purata 4000 hakmilik setahun turut menyumbang kepada peningkatan minimum hasil cukai tanah.

Keputusan Kerajaan Negeri untuk membuat semakan cukai tanah bermula tahun 2026 tidak bermakna Kerajaan Negeri gagal mempelbagaikan hasil negeri sebaliknya lebih kepada

tindakan reformasi pengurusan hasil cukai tanah selepas 30 tahun tidak disemak. Ketiadaan semakan cukai tanah yang sepatutnya dilaksana setiap 10 tahun telah menyumbang kepada ketirisan hasil cukai tanah yang berpunca daripada maklumat tanah yang bertindih, akaun cukai tanah yang tidak diselenggara dan dasar serta perundangan berkaitan cukai tanah hakmilik First Grade, Condition A, B dan C yang tidak jelas.

Proses semakan cukai tanah yang dibuat sekarang ini telah membantu pihak Pejabat Tanah dan Galian serta Pejabat Daerah dan Tanah membersihkan data-data hakmilik tanah, mengemaskini maklumat akaun cukai, membuat pengiraan kadar cukai yang lebih tepat terhadap hampir 200,000 hakmilik First Grade, Condition A, B dan C berdasarkan kepada kegunaan semasa berbanding kegunaan tanah 30 tahun lepas.

- (b) Berdasarkan kadar cukai tanah baharu yang diwartakan, dianggarkan Kerajaan Negeri berupaya mengutip hasil cukai tanah selepas rebat berjumlah RM210-220 juta setahun berbanding RM120-125 juta setahun sebelum ini.
- (c) Kerajaan Negeri di bawah pimpinan Ketua Menteri YAB Tuan Chow Kon Yeow memutuskan untuk melaksanakan semakan cukai tanah ini selepas kali terakhir semakan dibuat pada tahun 1994 atas kesedaran bahawa Kerajaan Negeri harus meningkatkan hasil pendapatan negeri bagi menampung peningkatan kos pengurusan kerajaan yang semakin meningkat setiap tahun disamping memastikan semua agenda pembangunan negeri dan kebajikan rakyat dapat diteruskan malah ditambah baik menjelang tahun 2030. Pada masa yang sama, semakan cukai tanah dan pengkelasan semula tanah Desa ke Bandar untuk seluruh Negeri Pulau Pinang diharap dapat mengurangkan jurang perbezaan kadar bayaran cukai antara pemilik tanah di kawasan bandar dan di kawasan desa sedangkan kawasan-kawasan desa ini telah membangun dengan begitu pesat dalam aspek demografi dan sosio-ekonomi selain dilengkapi dengan pelbagai infrastruktur moden setaraf dengan kawasan bandar sedia ada.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(I)21

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN MACHANG BUBUK
YB LEE KHAI LOON**

21. RUU Sumber Air Pulau Pinang 2025.

- (a) Bilakah ia akan dikuatkuasakan sepenuhnya dan terangkan pelan jangka pendek serta jangka panjang pelaksanaannya?
- (b) Bagaimanakah Kerajaan Negeri memastikan bahawa Enakmen ini benar-benar berfungsi serta tidak hanya tertumpu kepada pengawalseliaan, tetapi turut memperkukuh aspek perlindungan sumber air mentah dan mitigasi risiko kemarau?

YB ZAIRIL KHIR JOHARI

MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

21. (a) Enakmen Sumber Air Pulau Pinang 2025 dan Enakmen Lembaga Sumber Air Pulau Pinang 2025 telah diwartakan pada 11 September 2025. Enakmen Sumber Air Pulau Pinang 2025 dijangka dapat dikuatkuasakan selepas penubuhan rasmi Lembaga Sumber Air Pulau Pinang iaitu apabila semua prasyarat utama seperti penstrukturan penjawatan, penyediaan sistem kewangan, penggubalan peraturan dan pelan peralihan pentadbiran selesai dilaksanakan.

Bagi pelan pelaksanaan jangka pendek (1–2 tahun pertama):

Tumpuan diberikan kepada penyediaan asas tadbir urus dan pentadbiran lembaga, termasuk pewujudan struktur organisasi, pengisian jawatan utama, penyelarasan

peralihan kuasa kepada Lembaga, pembangunan sistem kewangan dan pematuhan serta penggubalan peraturan pelaksanaan enakmen.

Bagi pelan jangka panjang (3–5 tahun): Lembaga akan menumpukan kepada pengukuhan kapasiti institusi dan teknikal, pelaksanaan sistem pemantauan sumber air bersepadu, penguatkuasaan yang lebih berkesan, pelaksanaan program pendidikan dan kesedaran awam berkaitan sumber air, serta pelaksanaan strategi kelestarian sumber air termasuk kawalan pengambilan air, pengurusan kawasan tadahan, dan integrasi teknologi baharu bagi memastikan keselamatan sumber air negeri secara mampan.

- (b) Bagi memastikan Enakmen Sumber Air Pulau Pinang 2025 benar-benar berfungsi dan tidak hanya tertumpu kepada aspek pengawalseliaan tetapi turut memperkukuh aspek perlindungan sumber air mentah dan mitigasi risiko kemarau merangkumi pengurusan, perlindungan dan kelestarian sumber air negeri seperti berikut:
 - (i) Penubuhan Lembaga Sumber Air Pulau Pinang (LSAPP) sebagai agensi utama bagi mengurus, memelihara dan melindungi sumber air negeri secara menyeluruh. Lembaga ini akan memastikan pelaksanaan enakmen dilaksanakan secara berkesan dan bersepadu;
 - (ii) Penyediaan Pelan Pengurusan Sumber Air Negeri yang akan menjadi asas dan rujukan kepada semua agensi berkaitan dalam merancang pembangunan, mengurus kawasan tadahan serta memastikan keputusan dibuat dengan mengambil kira kapasiti dan kelestarian sumber air;
 - (iii) Pemantauan dan Penguatkuasaan Bersepadu melalui penggunaan teknologi moden bagi memantau kualiti sungai, kawasan tadahan dan sumber air bawah tanah secara berterusan;

- (iv) Perlindungan Kawasan Sumber Air dengan menetapkan zon perlindungan, rizab sungai dan garis panduan pembangunan mampan bagi mencegah pencemaran dan degradasi sumber air mentah;
- (v) Pelan Mitigasi Risiko Kemarau dengan memperkukuh pelan kontigensi bekalan air, menggalakkan amalan penjimatan air serta penggunaan semula air (*reuse*) dan air terawat (*reclaimed water*); dan
- (vi) Pendidikan dan Kesedaran Awam melalui program pendidikan dan kempen berterusan untuk meningkatkan tanggungjawab bersama dalam menjaga sumber air.

Secara keseluruhannya, pendekatan ini memastikan Enakmen Sumber Air Pulau Pinang 2025 bukan hanya menjadi instrumen kawal selia tetapi juga berfungsi sebagai rangka kerja utama yang memperkukuh perlindungan sumber air mentah dan kesiapsiagaan negeri terhadap risiko kemarau.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(I)22

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN MACHANG BUBUK
YB LEE KHAI LOON**

22. Lembaga Sumber Air Pulau Pinang.

- (a) Bilakah Lembaga ini akan ditubuhkan secara rasmi dan siapakah ahli-ahlinya serta kriteria pelantikan mereka?
- (b) Berapakah jumlah peruntukan tahunan untuk operasi Lembaga ini termasuk kos pentadbiran, aktiviti pengawasan dan pemantauan?
- (c) Nyatakan peranan Lembaga dalam usaha pemertanian kawasan tadahan air serta mekanisme pengambilan balik tanah.

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

22. (a) Lembaga Sumber Air Pulau Pinang sedang dalam proses penubuhan di mana beberapa langkah awal sedang dilaksanakan bagi memastikan Lembaga ini dapat ditubuhkan secara rasmi dan beroperasi sepenuhnya.

Secara anggaran, penubuhan rasmi Lembaga ini dapat dilaksanakan selepas semua prasyarat utama diselesaikan termasuklah:

- (i) Penstrukturan penjawatan bagi menentukan keperluan sumber manusia dan perjawatan baharu;

- (ii) Penyediaan sistem kewangan Lembaga bagi memastikan pengurusan dana dan operasi yang telus;
- (iii) Penggubalan peraturan-peraturan pelaksanaan Enakmen Sumber Air Pulau Pinang 2025; dan
- (iv) Penyediaan pelan peralihan pentadbiran daripada Bahagian Kawal Selia Air (BKSA) kepada Lembaga apabila ianya beroperasi sepenuhnya.

Kertas kerja cadangan permohonan penstrukturan perjawatan baharu bagi penubuhan Lembaga telah pun dikemukakan kepada Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM) untuk tindakan dan pertimbangan selanjutnya oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).

Pada masa yang sama, BKSA sedang dalam proses menggubal peraturan-peraturan pelaksanaan Enakmen Sumber Air Pulau Pinang dengan penyelarasan bersama agensi dan jabatan berkaitan bagi memastikan tiada pertindihan dengan garis panduan atau peraturan lain yang sedang berkuat kuasa.

Ahli Lembaga dan kriteria perlantikan adalah sepertimana termaktub di bawah Seksyen 6, Enakmen Lembaga Sumber Air Pulau Pinang 2025 seperti di **LAMPIRAN A**.

- (b) Anggaran jumlah peruntukan tahunan untuk operasi Lembaga ini termasuk kos pentadbiran, aktiviti pengawasan dan pemantauan adalah sebanyak RM10 juta setahun. Peruntukan ini akan meningkat setelah penguatkuasaan enakmen dilaksanakan dengan sepenuhnya.
- (c) Lembaga akan berperanan sebagai badan penyelarasan dan penasihat utama kepada Kerajaan Negeri dalam mengenal pasti serta mencadangkan kawasan yang berpotensi untuk diwartakan sebagai kawasan tadahan air atau zon perlindungan sumber air.

Bagi pengambilan balik tanah, Lembaga akan menyediakan input teknikal dan justifikasi kepada Pihak Berkuasa Negeri, manakala pelaksanaan sebenar akan dilaksanakan mengikut peruntukan di bawah Akta Pengambilan Tanah 1960 oleh Pejabat Tanah dan Galian. Segala proses ini akan dilaksanakan secara telus, berperingkat, dan mengambil kira kepentingan awam serta kelestarian sumber air negeri.

LAMPIRAN A

**AHLI LEMBAGA DAN KRITERIA PERLANTIKAN LEMBAGA
SUMBER AIR PULAU PINANG**

Jawatan/Kategori	Ahli/Anggota	Kriteria Perlantikan
Pengerusi	Ketua Menteri Pulau Pinang	Atas Jawatan
Timbalan Pengerusi	Setiausaha Kerajaan Negeri	Atas Jawatan
Anggota Atas Jawatan	1. Penasihat Undang-Undang Negeri	Atas Jawatan
	2. Pegawai Kewangan Negeri	Atas Jawatan
	3. Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pembangunan)	Atas Jawatan
	4. Dua (2) Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang	Atas Jawatan (Memegang portfolio berkaitan sumber air)
Anggota Lain	Tidak lebih daripada lima (5) orang anggota lain	Dilantik oleh Pihak Berkuasa Negeri (Mempunyai kepakaran dalam perkara yang berhubung dengan sumber air)
Setiausaha Lembaga	Pengarah	Dilantik oleh Lembaga dengan Kelulusan Pihak Berkuasa Negeri

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(I)23

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN MACHANG BUBUK
YB LEE KHAI LOON**

23. Pelan Pengurusan Lembangan Sungai Bersepadu (IRBM).
- (a) Senaraikan sungai-sungai yang telah mempunyai pelan IRBM yang lengkap dengan profil sungai tersebut.
 - (b) Terangkan tahap kemajuan pelaksanaan pelan IRBM bagi Sungai Juru serta berapa peratus tindakan mitigasi pencemaran telah siap.
 - (c) Nyatakan cabaran dan halangan yang dihadapi dalam usaha pelaksanaan pelan IRBM.

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

23. (a) Sungai-sungai di Pulau Pinang yang telah mempunyai pelan IRBM yang lengkap adalah seperti berikut:
- (i) IRBM Sungai Perai, Pulau Pinang/Kedah (2018);
 - (ii) IRBM Sungai Muda, Pulau Pinang/Kedah (2019);
dan
 - (iii) IRBM Sungai Juru, Pulau Pinang (2021).
- (b) IRBM Sungai Juru telah menggariskan pelbagai pelan tindakan untuk memastikan air yang mencukupi dan bersih, mengurangkan risiko banjir serta pemeliharaan alam sekitar. Pelan-pelan tindakan tersebut telah

diedarkan kepada pelbagai agensi dan dijadikan sebagai panduan kepada agensi-agensi tersebut untuk dirancang dan dilaksanakan secara berperingkat mengikut bidang kuasa masing-masing tertakluk kepada sumber dan peruntukan yang diterima. Antara tindakan pelan IRBM yang telah dilaksanakan dan dalam pelaksanaan adalah seperti di **JADUAL 1**:

JADUAL 1: STATUS PELAKSANAAN PELAN IRBM SUNGAI JURU

BIL.	TINDAKAN	STATUS
Jangka Pendek		
1	Kerja penyelenggaraan berkala tahunan	Berkala
2	Kerja-kerja kecemasan mengorek muara Sungai Juru tahun 2021	Siap dilaksanakan
3	Pemasangan dan penyelenggaraan <i>log-boom</i> di Sungai Rambai	Siap dilaksanakan
4	Operasi Pasukan Petugas Khas Kawalan Hakisan dan Kelodak Negeri Pulau Pinang (Ops Lumpur)	Berkala
5	Kerja-kerja pemuliharaan muara Sungai Juru tahun 2024	Siap dilaksanakan
Jangka Panjang		
1	Projek Pemuliharaan Sungai Juru	Dalam permohonan RP1 RMK13
2	Program penanaman satu (1) juta batang pokok di Pulau Pinang (700 batang pokok di Sungai Juru)	Siap dilaksanakan
3	Projek Denai Kebangsaan Sungai Rambai	Siap dilaksanakan
4	Projek Denai Kebangsaan Sungai Rambai Fasa 2	Dalam pelaksanaan

- (c) Antara cabaran dan halangan yang dihadapi dalam usaha pelaksanaan IRBM adalah:
- (i) Mengenal pasti pencemaran daripada sumber tidak berpusat (non-point source) kerana ia berpunca daripada pelbagai aktiviti yang tersebar dan tidak mempunyai titik pelepasan yang khusus. Keadaan ini menimbulkan kesukaran dalam mengenal pasti punca sebenar pencemaran serta menyukarkan pelaksanaan tindakan penguatkuasaan secara menyeluruh;
 - (ii) Sumber kewangan yang terhad menjadi cabaran utama kerana projek pemuliharaan sungai memerlukan kos yang tinggi;
 - (iii) Penglibatan komuniti tempatan dalam pemuliharaan sungai masih tertumpu kepada program kesedaran jangka pendek. Selain itu, mekanisme insentif untuk menggalakkan amalan mesra alam oleh industri dan masyarakat masih lagi terhad buat masa ini; dan
 - (iv) Komponen di dalam IRBM melibatkan pelbagai agensi mengikut peruntukan dan bidang kuasa masing-masing. Justeru, pengurusan lembangan sungai hendaklah ditangani secara bersepadu. Setiap agensi teknikal termasuk Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) hendaklah bersama-sama berganding bahu menangani isu kebersihan sungai bagi merealisasikan kehijauan saluran sungai.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(I)24

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN MACHANG BUBUK
YB LEE KHAI LOON**

24. Menaik taraf rumah pam di Sungai Junjung Mati.
- (a) Terangkan status terkini tentang kajian dan isu yang dihadapi oleh rumah pam sedia ada.
 - (b) Apakah usaha yang diambil oleh Kerajaan Negeri bagi menaik taraf rumah pam yang tidak dapat berfungsi dengan baik?
 - (c) Apakah pelan mitigasi sekiranya tiada peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

24. Sungai Junjung Mati.
- (a) Tiada rumah pam di Sungai Junjung Mati. Struktur yang telah dibangunkan di sungai tersebut adalah pintu air pasang surut (*tidal control gate*, TCG). Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Pulau Pinang (JPSPP) telah melantik perunding untuk menjalankan kajian reka bentuk terperinci bagi mengurangkan risiko banjir di lembangan Sungai Junjung Mati bagi mengenal pasti isu dan masalah di dalam kawasan lembangan sungai tersebut. Kajian tersebut kini berada di peringkat penyediaan Laporan Interim dan dijangka siap pada suku pertama tahun 2026.

- (b) Kebolehfungsian TCG tersebut sentiasa dipantau oleh pihak JPSPP dari semasa ke semasa. Sekiranya terdapat sebarang kerosakan, tindakan pembaikan akan dilaksanakan segera. Selain itu, kerja-kerja penyelenggaraan berkala turut dilaksanakan berdasarkan kepada peruntukan tahunan yang diperolehi. Buat masa ini, TCG tersebut menjalankan fungsinya dengan baik.

- (c) Melalui kajian yang sedang dilaksanakan ini, beberapa opsyen tindakan mitigasi banjir akan dibentang dan dimuktamadkan dengan kos pembinaan berkaitan. Kerajaan Negeri melalui JPSPP akan memohon peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan untuk pelaksanaan projek fizikal. Sekiranya permohonan tersebut tidak diluluskan, Kerajaan Negeri akan menyenaraikannya di dalam peruntukan pembangunan negeri.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(I)25

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN MACHANG BUBUK
YB LEE KHAI LOON**

25. Banjir dari Stesen Minyak Shell ke Isuzu Jalan Alma Bukit Minyak.
- (a) Terangkan punca utama yang menyebabkan masalah ini khususnya projek pelebaran jalan baru siap tahun lepas.
 - (b) Mengapa isu banjir tidak diambil kira semasa perancangan dan reka bentuk jalan dibuat?
 - (c) Nyatakan usaha jangka masa pendek dan panjang untuk menangani masalah ini.

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

25. (a) Punca utama yang menyebabkan kejadian banjir berlaku di kawasan antara Stesen Minyak Shell hingga ke Isuzu, Jalan Alma, Bukit Minyak adalah fenomena air laut pasang. Kejadian fenomena ini menyebabkan air sungai melimpah dan berlaku aliran balik (backflow) ke dalam sistem longkang jalan. Apabila paras air sungai mencapai tahap maksimum, aliran air dari longkang jalan tidak dapat dialirkan ke sungai, sekali gus menyebabkan banjir kilat di kawasan berkenaan.
- (b) Perancangan dan reka bentuk jalan telah mengambil kira data hidrologi dan aras air sedia ada. Namun, perubahan corak cuaca serta peningkatan paras air sungai semasa

fenomena air pasang besar telah mengatasi kapasiti yang dirancang bagi sistem saluran tersebut.

- (c) Langkah-langkah penambahbaikan jangka pendek yang dilaksanakan oleh Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Pulau Pinang (JPSPP) bagi menangani permasalahan tersebut adalah seperti berikut:
- (i) Pembersihan, penyelenggaraan dan mengorek pulih sistem saluran daripada mendapan dan sampah sarap di dalam parit, saluran pembetung dan longkang sedia ada; dan
 - (ii) Penubuhan pasukan ronda bagi memantau kawasan berisiko banjir semasa hujan lebat dan mengambil tindakan segera.

Manakala, langkah-langkah penambahbaikan jangka panjang pula adalah seperti berikut:

- (i) Pembinaan kawasan takungan (sump);
- (ii) Pemasangan pam bergerak dan pintu kepak (flap gate) di parit tepi jalan sedia ada; dan
- (iii) Penaiktarafan longkang sedia ada daripada saiz 600 milimeter (mm) x 600mm kepada 1200mm x 1200mm bagi meningkatkan kapasiti saluran.

JPSPP akan mengemukakan permohonan pelaksanaan projek ini melalui peruntukan *Rolling Plan* Kedua Rancangan Malaysia Ketiga Belas (RP2 RMK13) di bawah Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Sungai Kilang Ubi.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(I)26

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN MACHANG BUBUK
YB LEE KHAI LOON**

26. Pusat Asuhan Tunas Islam (PASTI).
- (a) Senaraikan cawangan PASTI yang beroperasi mengikut lokasi, bilangan kanak-kanak serta bilangan guru.
 - (b) Terangkan peranan Kerajaan Negeri dalam pemantauan terhadap PASTI dalam aspek pematuhan peraturan, keselamatan dan kebajikan kanak-kanak.
 - (c) Nyatakan usaha Kerajaan Negeri dalam menyediakan taska dan tadika yang *accessible* serta *affordable*.

**YB LIM SIEW KHIM
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

26. (a) Untuk makluman, Pusat Asuhan Tunas Islam (PASTI) merupakan pusat asuhan yang tidak berdaftar di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Pulau Pinang (JKMNPP) dan Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang (JPNPP).

Walau bagaimanapun penubuhan PASTI ini adalah melalui parti politik dan dikawal selia oleh Majlis Agama Islam dan Kementerian Pendidikan dari aspek kurikulum. Oleh yang demikian, Kerajaan Negeri di bawah MMK Pembangunan Sosial dan Kebajikan tidak mempunyai data berkenaan PASTI di negeri Pulau Pinang.

- (b) Kerajaan Negeri di bawah MMK Pembangunan Sosial dan Kebajikan tidak mempunyai punca kuasa dalam urusan PASTI kerana institusi tersebut tidak didaftarkan di bawah seliaan JKMNPP dan JKNPP.
- (c) Usaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC) dengan mewujudkan Taska' D Komtar bagi kemudahan penjawat awam yang berkhidmat di KOMTAR. Bagi menggalakkan penglibatan wanita dalam tenaga buruh serta mewujudkan persekitaran kerja yang menyokong kemudahan penjagaan kanak-kanak yang mudah diakses.

Bagi memastikan kemudahan ini lebih inklusif dan mudah dicapai oleh masyarakat, PWDC dengan kerjasama Penang Geographic Information System Centre (PeGIS) dan Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Pulau Pinang (JKMNPP) telah melaksanakan inisiatif pemetaan taska berdaftar di seluruh Negeri Pulau Pinang. Langkah ini membolehkan orang ramai mengakses maklumat lokasi taska berdaftar dengan lebih mudah, sekali gus membantu ibu bapa membuat pilihan terbaik dan memastikan anak-anak mendapat penjagaan yang selamat dan berkualiti.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(I)27

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN MACHANG BUBUK
YB LEE KHAI LOON**

27. 1401 unit RMKu A tidak dibina perlu digantikan dengan bayaran sumbangan RM106,485,000.00.
- (a) Terangkan status terkini terimaan yang dikutip oleh Kerajaan Negeri.
 - (b) Nyatakan usaha Kerajaan Negeri untuk memastikan pemaju membayar sumbangan tersebut.
 - (c) Sejauh manakah kewajaran dan kelestarian dasar ini memandangkan kos membina RMKu A dan kos tanah semakin meningkat?

**YB DATO' SERI SUNDARAJOO A/L SOMU
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

27. (a) Sehingga bulan Oktober 2025, Kerajaan Negeri telah menerima kutipan sebanyak RM77,186,000.00 (Ringgit Malaysia Tujuh Puluh Tujuh Juta Satu Ratus Lapan Puluh Enam Ribu Sahaja) bagi bayaran sumbangan menggantikan unit Rumah MutiaraKu Jenis A (RMKu A) yang tidak dibina. Penerimaan bayaran sumbangan tersebut adalah secara berfasa berdasarkan peringkat pembinaan iaitu 10% Pelan Kebenaran Merancang (PKM), 10% Pelan Bangunan, 20% Kebenaran Memulakan Kerja (COW) dan 60% Sijil Penyiapan dan Pematuhan (CCC).

- (b) Kerajaan Negeri melalui Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang (LPNPP) serta Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) sentiasa memantau dan memastikan kelulusan pemajuan hanya akan diberikan selepas tawaran sumbangan tersebut dibayar sebelum kelulusan PKM diberikan secara berperingkat. Tindakan perundangan juga akan diambil termasuk mengenakan penalti lewat bayar.
- (c) Dasar penggantian pembinaan unit RMKu A dengan bayaran sumbangan ini masih dianggap wajar dan relevan memandangkan ia memberi fleksibiliti kepada pemaju di kawasan yang kurang sesuai untuk pembinaan rumah kos rendah (RMKu A) di samping membolehkan Kerajaan Negeri menyalurkan hasil sumbangan tersebut bagi membiayai pembinaan projek RMKu A di lokasi lain yang lebih strategik dan berdaya huni. Walau bagaimanapun, dengan peningkatan kos pembinaan dan harga tanah semasa, Kerajaan Negeri akan sentiasa menilai semula kadar sumbangan secara berkala bagi memastikan dasar ini kekal mampan dan tidak menjejaskan matlamat penyediaan perumahan mampu milik di Negeri Pulau Pinang.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(I)28

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN MACHANG BUBUK
YB LEE KHAI LOON**

28. Pelaksanaan jajaran jalan baharu menyambungkan Machang Bubuk 1 dengan Taman Sanctuari dan Jalan Seladang.
- (a) Terangkan usaha yang diambil oleh JKR berkenaan cadangan tersebut.
 - (b) Bandingkan anggaran kos pengambilan balik tanah jajaran ini dengan pelebaran Jalan Kulim.
 - (c) Sejauh manakah cadangan tersebut dapat meleraikan trafik di Jalan Kulim yang semakin sesak?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

28. Jajaran jalan baharu menyambungkan Machang Bubuk 1 dengan Taman Santuari dan Jalan Seladang.
- (a) Jabatan Kerja Raya Pulau Pinang (JKRPP) akan menyenaraikan cadangan projek tersebut di bawah Rancangan Negeri Pulau Pinang Kelima (RNPP 5).
 - (b) Anggaran kos pengambilan balik tanah (PBT) bagi projek-projek tersebut adalah seperti berikut:

BIL.	PROJEK	ANGGARAN KOS PBT (RM)
1	Cadangan pelebaran Jalan Kulim, Seberang Perai Tengah hingga ke sempadan Kedah daripada dua (2) lorong kepada empat (4) lorong (Fasa 1, Fasa 2 dan Fasa 3)	100.00 juta
2	Cadangan membina jalan baharu menghubungkan Jalan Machang Bubok 1 dengan Taman Santuari	46.44 juta

- (c) Kajian Impak Trafik (Traffic Impact Assessment, TIA) akan dilaksanakan setelah butiran projek ini diluluskan.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(I)29

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN MACHANG BUBUK
YB LEE KHAI LOON**

29. Penang Turf Club (PTC).

- (a) Terangkan kronologi tanah PTC ditetapkan sebagai zon KKP1 (Kawasan Keutamaan Pembangunan 1) bagi tujuan komersial.
- (b) Walaupun pemilik tanah tidak membuat permohonan pembangunan secara rasmi, nyatakan justifikasi dan sebab Kerajaan Negeri tidak mewartakan tanah PTC sebagai zon rekreasi atau menyediakan *Special Area Plan* (SAP) terlebih dahulu.

**YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

29. (a) Kronologi Tanah Penang Turf Club

- (i) Tanah Penang Turf Club (PTC) yang dimaksudkan terletak di atas sebahagian Lot 403 dan sebahagian Lot 728, Seksyen 2, Bandar George Town, Daerah Timur Laut, Pulau Pinang.
- (ii) Jawatankuasa Perancang Negeri (JPN) Pulau Pinang Bilangan 8/2013 pada 02 Ogos 2013 bersetuju meluluskan perlingkungan semula ke 'Perniagaan Am' dengan nisbah plot yang dibenarkan 1:1 dan maksimum 3:1 untuk Tetuan PTC di atas sebahagian Lot 403 dan sebahagian Lot 728.

- (iii) Pemohon kemudiannya telah mengemukakan Permohonan Kebenaran Merancang No. MPPP/OSC/PM2274/13 bagi cadangan mendirikan satu (1) blok desa persaraan tujuh (7) tingkat (142 unit) dan tempat letak kenderaan dua (2) tingkat di aras bawah bangunan. Keluasan kawasan bagi pemajuan ini adalah 11,790.67 meter persegi / 2.914 ekar dan status projek adalah ia telah siap dibina sepenuhnya.
 - (iv) Merujuk kepada Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang 2020 (RSNPP2020) Warta Kerajaan Jilid 51 No. 13 Tambahan No. 1 bertarikh 28 Jun 2007, tanah PTC ditunjukkan sebagai Kawasan Pembangunan Baharu dan Pembangunan Sedia Ada.
 - (v) RSNPP2030 telah diwartakan pada 24 Oktober 2019 (Warta Kerajaan Negeri Pulau Pinang Jilid 63 Tambahan No: 3/22 bertarikh 24 Oktober 2019, Kenyataan Warta No. 1068). Dengan pewartaan RSNPP2030, ia membatalkan RSNPP2020 yang diwartakan pada 28 Jun 2007 (No. Warta Jilid 51 No. 13 Tambahan No. 1).
 - (vi) Justeru itu, berdasarkan RSNPP2030 yang diwartakan, kawasan tersebut merupakan Kawasan Keutamaan Pembangunan 1 (KKP1), pemilik tanah dibenarkan untuk melaksanakan sebarang pemajuan sama ada perumahan, komersial dan industri. Walau bagaimanapun, pemberian kelulusan kebenaran merancang tertakluk kepada pihak Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP).
- (b) Pengezonan KKP1 atau sebarang bentuk pengezonan dalam Rancangan Struktur tidak ditentukan berdasarkan permohonan daripada pemilik tanah, sebaliknya ditetapkan mengikut keperluan struktur negeri. Penetapan ini mengambil kira faktor tekanan pembangunan, permintaan dan penawaran kawasan pembangunan serta keperluan ekonomi setempat, nilai warisan, pembaharuan dan pembangunan semula bandar.

Sekiranya PTC ingin diwartakan sebagai zon rekreasi atau *Special Area Plan* (SAP), pewartaan tersebut perlu memenuhi ciri-ciri tertentu seperti keperluan pemajuan semula, memperelokkan kawasan, memulihara atau untuk tujuan pengurusan sesebuah kawasan bagi kepentingan khusus kepada Pihak Berkuasa Tempatan.

Dari sudut yang lain pula, PTC bukanlah kawasan yang mempunyai isu atau permasalahan yang memerlukan penyediaan Rancangan Kawasan Khas (RKK) dan kajian-kajian lain yang berkaitan. Lazimnya, penyediaan RKK atau kajian hanya dilaksanakan ke atas kawasan yang berdepan dengan isu pembangunan seperti kesesakan lalu lintas, pemeliharaan dan pemuliharaan Kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS), kawasan bersejarah atau kepentingan-kepentingan awam lain yang mendesak.

Walau bagaimanapun, bagi isu pewartaan sebagai zon rekreasi, ia akan dikaji di peringkat Draf Rancangan Tempatan MBPP2035.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(I)30

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN MACHANG BUBUK
YB LEE KHAI LOON**

30. Pelaksanaan cadangan mitigasi TIA di Persimpangan Jalan Alma, Jalan Rozhan dan Jalan Seladang.
- (a) Terangkan status terkini serta jangkaan bila akan disempurnakan.
 - (b) Nyatakan status pelaksanaan cadangan pembinaan jejantas ROB di persimpangan jalan tersebut.
 - (c) Mengapakah kajian serta reka bentuk jejantas telah siap pada tahun 2014 tapi masih tidak dapat dilaksanakan?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

30. (a) Pelaksanaan cadangan mitigasi Penilaian Impak Trafik (*Traffic Impact Assessment* – TIA) di persimpangan Jalan Alma, Jalan Rozhan dan Jalan Seladang telah disyaratkan dalam Pelan Kebenaran Merancang (PKM) bagi pembangunan projek yang dikemukakan oleh Tetuan Iconic Maison Sdn. Bhd. PKM ini telah diluluskan oleh pihak Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) dan kerja-kerja mitigasi ini dalam fasa pelaksanaan dan dijangka akan disiapkan pada tahun 2027 sebelum Sijil Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC) dikeluarkan. Cadangan mitigasi TIA di persimpangan Jalan Alma, Jalan Rozhan dan Jalan Seladang adalah seperti berikut:

- (i) Pelaksanaan sistem aliran lalu lintas sehalu dari Jalan Rozhan, Jalan Seladang, Jalan Alma Jaya 2 dan Lorong Industri Alma 2;
 - (ii) Menaik taraf Jalan Rozhan, Jalan Seladang, Jalan Alma Jaya 2 dan Lorong Industri Alma 2 sehingga ke garisan *Right of Way* (ROW);
 - (iii) Pelaksanaan aliran *left-in* dan *left-out* di persimpangan Jalan Alma dan Jalan Pauh Kijang; dan
 - (iv) Menaik taraf persimpangan Jalan Alma, Jalan Rozhan dan Jalan Seladang sehingga ke garisan ROW jalan.
- (b) Status pelaksanaan cadangan pembinaan jejantas *Road Over Bridge* (ROB) di persimpangan Jalan Alma, Jalan Rozhan dan Jalan Seladang masih di peringkat perbincangan berkaitan isu-isu pengambilan balik tanah Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) oleh Kerajaan Negeri bersama pemilik tanah persendirian yang terlibat. Walau bagaimanapun, kerja-kerja naik taraf persimpangan Jalan Alma dan Jalan Rozhan telah diangkat untuk kelulusan peruntukan kepada Pihak Berkuasa Negeri (PBN) dalam Rancangan Pembangunan Negeri Pulau Pinang (RNPP) oleh Jabatan Kerja Raya (JKR) untuk mengurangkan kesesakan lalu lintas di kawasan tersebut. Pada masa kini, kerja-kerja reka bentuk terperinci (*detailed design*) telah siap dilaksanakan oleh JKR dan projek ini akan dilaksanakan setelah kerja-kerja PBT diselesaikan.
- (c) Cadangan pembinaan jejantas ROB di persimpangan jalan tersebut ditangguhkan kerana isu PBT yang masih belum selesai di beberapa kawasan ROB walaupun kajian dan reka bentuk jejantas telah siap pada tahun 2014.